

selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 28 MAC - 3 APRIL 2024 www.selangorkini.my

Bantuan khas raya sebulan gaji

MUKA 3

BERWAKAF SECARA BULANAN KINI LEBIH MUDAH MELALUI DIRECT DEBIT



IMBAS UNTUK MENDAFTAR

mudah
pantas
selamat

Mendaftar sekali sahaja melalui <https://infacpay.my/go/wakafselangor>

Pengguna akan menerima status BERJAYA melalui e-mel.

Potongan akan dibuat setiap 2-5hb atau 22-26hb setiap bulan.

Pewakaf akan menerima notifikasi transaksi berjaya melalui e-mel.

NOTA:
Resit Rasmi Sumbangan Wakaf tahun semasa akan diproses pada sukuan pertama tahun berikutnya. Pewakaf perlu mengemaskini alamat surat-menyurat terkini sebelum tahun berakhir bagi tujuan pengeposan resit rasmi tersebut.

BULAN WAKAF SELANGOR
www.wakafselangor.gov.my



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menandatangani plak perasmian Masjid Kampung Melayu Rasa, Hulu Selangor pada 23 Mac 2024. Baginda diiringi Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari. Foto HAFIZ OTHMAN ► BERITA MUKA 2

pancawarna

Festival ilmu angkat pemikiran Imam Nawawi

Sidang turath kedua pameran manuskrip al-Quran dan kitab ulama Melayu

12&13



Malam agung doa dimakbul Allah

Beribadah pada malam lailatul qadar lebih baik daripada 1,000 bulan

9



Remaja 12 tahun pimpin solat tarawih

Pelajar tahfiz imamkan jemaah di surau sepanjang malam bulan puasa

14



Sidang niaga sasar RM7 bilion

SHAH ALAM - Sidang Kemuncak Niaga Antarabangsa Selangor (SIBS) yang dijalankan dua kali pada tahun ini meletak sasaran transaksi pelaburan bernilai RM7 bilion.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu penganjuran program itu pada Julai dan Oktober bertujuan mengoptimimum potensi pelaburan berikutan permintaan tinggi pempamer.

Beliau menjelaskan SIBS yang dijadual berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur meliputi penyertaan 1,200 reruai pelbagai produk menyasar 60,000 pengunjung pelbagai latar belakang.

"Penganjuran ini juga membina persekitaran perniagaan dan menyegarkan landskap ekonomi negeri," katanya di Facebook pada 25 Mac.

Tahun lalu, SIBS mencatat transaksi pelaburan bernilai RM6.12 bilion, meningkat empat kali ganda berbanding sasaran awal RM1.5 bilion.

Mesyuarat pilihan raya kecil 4 April

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengadakan satu mesyuarat khas bagi urusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu pada 4 April.

Setiausaha SPR memberitahu mesyuarat itu bagi membincangkan antaranya tarikh writ, hari penamaan calon, hari pengundian, daftar pemilih yang akan digunakan serta persiapan lain.

Datuk Ikmalrudin Ishak menjelaskan ia bakal dipengerusikan Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Ghani Salleh hasil makluman rasmi Speaker Dewan Negeri Selangor Lau Weng San.

"Kekosongan luar jangka itu hendaklah diisi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan itu berlaku dan disahkan oleh SPR," katanya dalam kenyataan pada 26 Mac.

Kekosongan kerusi itu berikutan kematian penyandanginya Lee Kee Hiong akibat barah pada 21 Mac.

Sultan rasmi masjid guna kentung

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat bagi menyempurnakan perasmian masjid di Kuala Selangor dan Hulu Selangor.

Baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 466 asnaf berjumlah RM233,000 ketika majlis perasmian



Masjid Jamek At-Tuqo, Kampung Sungai Sireh pada 21 Mac.

Masjid berkeluasan dua ekar itu yang dibina pada 1950 masih mengekal penggunaan alat kentung untuk menghebah masuknya waktu solat selain sentiasa dibaik pulih dari semasa ke semasa.

Sultan Sharafuddin juga berkenan merasmikan Masjid Kampung Melayu Rasa dan menyampaikan sumbangan raya berjumlah RM218,500 kepada 437 penerima di Hulu Selangor pada 23 Mac.

Masjid yang siap pada Mac tahun lalu atas tanah seluas enam ekar membabitkan kos RM13 juta mampu menampung 1,600 jemaah dalam satu masa dinamai sempena Kampung Melayu Rasa.

Seru pemimpin masyarakat beri penerangan

Hebah kelebihan sistem Padu

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Semua pemimpin masyarakat dan wakil persatuan penduduk diseru melipat ganda usaha bagi menghebah kepentingan mengemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (Padu).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata masyarakat perlu diberi penerangan jitu mengenai kepentingan sistem itu demi menangani masalah kemiskinan dan membangunkan negara.

Menjelaskan Padu bukan semata-mata pemberian subsidi, beliau menjelaskan maklumat berkenaan penting bagi menyusun semula ekonomi negara termasuk meningkat-

kan kecekapan urus tadbir.

"Manfaatkan pecutan berbaki beberapa hari lagi untuk mendaftar individu di lokaliti masing-masing kerana ini (data) adalah masa depan kita dan negara.

"Jadi, sama-sama kita gembung kekuatan wujudkan gelombang pendaftaran (Padu) supaya kita boleh susun pelan pembangunan dan perancangan negeri dan negara dengan lebih baik," katanya.

Beliau berucap dalam sesi pendengaran awam bersama Menteri Ekonomi Rafizi Ramli di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini pada 23 Mac.

Amirudin memberitahu negara bergantung kepada maklumat dan fakta tepat untuk merancang dasar yang ber-

manfaat kepada seluruh lapisan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah.

"Ia bukan berdasarkan andaian. Kalau dulu, ramai sebut luar bandar ramai miskin tetapi realiti di bandar lebih susah kerana berdepan isu kos sara hidup tinggi," katanya lagi.

Dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Januari, Padu menjadi platform maklumat bagi meningkatkan kecekapan pengagihan subsidi dan bantuan kepada rakyat memerlukan.

Pendaftaran boleh dibuat melalui pautan <http://www.padu.gov.my> antara 2 Januari sehingga 31 Mac. Kaunter fizikal juga dibuka bagi memudahkan orang ramai mengemas kini maklumat.

RM99,000 untuk 24 persatuan belia

SHAH ALAM - Sejumlah RM99,000 disumbang Pejabat Dato' Menteri Besar kepada 24 persatuan belia dan pelajar serta sembilan majlis belia daerah.

Dato' Menteri Besar berkata dana RM3,000 setiap persatuan itu sebagai galakan kepada ahlinya bergiat lebih aktif menganjurkan pelbagai program.

Dato' Seri Amirudin Shari turut menasihati mahasiswa dan generasi muda

melaksanakan tanggungjawab selaku pemimpin dengan sebaiknya.

"Tugas dan peranan saudara sangat penting malahan lebih penting berbanding dengan masa dan waktu sebelum ini kerana setiap kelompok atau generasi kita ada cabaran yang berbeza.

"Hari ini cabaran kita lebih besar kerana berdepan dengan ketidaktentuan situasi politik yang mana ada majoriti

generasi muda seolah kurang yakin terhadap masa depan mereka.

"Sebagai pewaris pimpinan masa depan saudara perlu cipta trend bukan ikut trend, ia bukan soal kelompok mana yang harus menang dan diberi kepercayaan tetapi tugas kita adalah memberi keyakinan semula dan mendidik anak muda hari ini mengenai masa depan mereka," katanya pada 25 Mac.

Bina sifat daya tahan, laksana tugas

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar menitipkan pesanan kepada penjawat awam di Selangor agar sentiasa memiliki sifat berdaya tahan dan bingkaskan menangani isu rakyat meski dalam bulan Ramadan.

Dato' Seri Amirudin Shari berharap program yang dirancang juga tidak melemahkan penjawat awam dalam melaksanakan tanggungjawab atau tugas hakiki masing-masing.

"Walaupun berdepan pelbagai cabaran kita harus bingkaskan, bergerak pantas meski dalam keadaan kita berpuasa 12 jam dan tidak ketinggalan kita juga perlu tahan uji dengan cabaran permintaan dan sikap komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Berbuka Puasa Dato' Menteri Besar bersama Ketua Jabatan dan Penjawat Awam Selangor yang disertai hampir

1,500 orang di Dewan Raja Muda Musa di sini pada 22 Mac.

Dalam pada itu, Amirudin berharap pertemuan tersebut dapat mengukuhkan lagi ikatan pimpinan negeri bersama penjawat awam.

"Semoga majlis ini dapat mengukuhkan ikatan persaudaraan dan persamaan yang telah kita gembung selama ini untuk meneruskan agenda kita pada masa hadapan," tambahnya.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



CERIA... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menyampaikan duit raya kepada anak-anak yatim di Masjid Taman Putra Perdana, Sepang pada 24 Mac. Foto HAFIZ OTHMAN

Penjawat awam, pemimpin masyarakat terima manfaat

Bantuan khas raya sebulan gaji

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Penjawat awam negeri ini akan menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebulan gaji atau minimum RM1,000 sempena sambutan Aidilfitri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Insentif Khas Kita Selangor Aidilfitri 2024 melibatkan kesan kewangan RM45 juta disalurkan pada 8 April.

"Sebulan gaji atau minimum RM1,000 kepada semua penjawat awam negeri yang sedang berkhidmat di SUK (bangunan pentadbiran negeri).

"Bantuan sama akan dilebarkan penjawat awam kerajaan persekutuan yang berkhidmat bawah SUK," katanya dalam Majlis Mahabbah Ramadan Madani di sini pada 22 Mac.

Amirudin berkata insentif elaun sebulan pula diberi kepada pemimpin masyarakat lantikan negeri an-

taranya pengerusi dan setiausaha majlis pengurusan komuniti kampung.

Beliau menjelaskan pegawai perhubungan perkampungan serta ketua komuniti India, penyelia Wanita Berdaya Selangor, Penggerak Belia Selangor dan ahli majlis turut menikmatinya.

Sementara itu, beliau mengumumkan penggerak masjid seperti nazir, imam, bilal dan siak serta guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) akan menerima bantuan RM500.

Ringan belanja Aidilfitri, sekolah

SHAH ALAM - Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebulan gaji yang diterima penjawat awam negeri ini meringankan beban mereka membuat persiapan menyambut Aidilfitri dan persekolahan anak.

Kakitangan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat) Nurulain Ja'far Sidik, 52, bersyukur kerana pentadbiran negeri mementingkan kebajikan menjelang musim perayaan.

"Sepanjang saya berkhidmat di Selangor, bantuan pada setiap tahun tidak pernah mengecewakan.

Terima kasih sentiasa prihatin dengan penjawat awam.

"Insha-Allah, bantuan ini sedikit sebanyak boleh beli baju raya tiga anak saya,"katanya yang telah berkhidmat lebih 20 tahun.

Pada 22 Mac, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan BKK sebulan gaji atau minimum RM1,000 sempena Aidilfitri yang



bakal disalurkan pada 8 April.

Kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Langat Shahrulnizam Khalil, 48, pula mahu menggunakan bantuan tersebut untuk membeli peralatan sekolah lima anaknya selain persiapan raya.

"Bonus kali ini sangat tepat pada masanya. BKK ini amat bermakna, juga mendorong penjawat awam bekerja lebih semangat dan produktiviti,"katanya yang berkhidmat 22 tahun di Selangor.

Terima RM9.56 juta zakat perniagaan

AMPANG JAYA - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan menerima zakat perniagaan berjumlah RM9.56 juta sempena majlis berbuka puasa dan sumbangan Aidilfitri di Ukay Heights di sini pada 27 Mac.

Sumbangan diterima Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj daripada syarikat Nuemera Malaysia Sdn Bhd (RM4.03 juta), Pembinaan Mohd Nazir Meraslam Sdn Bhd (RM2.28 juta), Jakel Trading Sdn Bhd (RM1.15 juta), Respected Citizen Sdn Bhd (RM1.1 juta) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (RM1 juta).

Baginda turut merasmikan Masjid Darul Ehsan yang dibina di kawasan seluas 3.4 ekar melibatkan kos RM8 juta serta mampu menampung sehingga 1,000 jemaah.

Dalam majlis itu, Sultan Selangor turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM230,000 kepada 110 asnaf fakir, 273 miskin dan 77 saudara baharu sekitar daerah itu.

Rekod RM39 bilion pelaburan domestik

KUALA LUMPUR - Selangor mencatat RM39 bilion pelaburan langsung domestik (DDI) tahun lalu, kata EXCO pelaburan.

Ng Sze Han berkata angka itu merangkumi hampir 70 peratus daripada nilai keseluruhan pelaburan berjumlah RM55.3 bilion yang dicatat sepanjang tempoh sama.

"Nisbah DDI besar berbanding FDI (pelaburan langsung asing). Ini membuktikan Selangor mempunyai ekosistem perniagaan yang kukuh serta sesuai untuk pelaburan berkembang,"katanya pada 11 Mac.

Sze Han berkata dengan situasi berkecemasan, pelancaran kelab terbabit dilihat tepat dan mampu menempatkan usahawan pemula ke peringkat global.

Kelab CXO Sidec bantu jana RM1 juta

KUALA LUMPUR - Perbadanan Teknologi Maklumat Ekonomi Digital Selangor (Sidec) melancarkan program Kelab CXO bagi membantu syarikat pemula menjana pendapatan melebihi RM1 juta.

EXCO pelaburan berkata program berjangka mulai bulan ini hingga Oktober depan dibuka kepada 100 peserta dalam kalangan pegawai kanan syarikat termasuk ketua pegawai eksekutif dan ketua pegawai operasi.

Jelas Ng Sze Han, program mendapat tajaan Affin Bank itu membolehkan peserta memasarkan produk ke pasaran antarabangsa antaranya Taiwan, Jepun, London dan Hong Kong.

"Inisiatif ini menyasarkan penyertaan dari kategori usahawan kecil sederhana (35 peratus), perniagaan e-dagang dan teknologi (30 peratus) dan korporat (lima peratus),"katanya dalam majlis pelancaran pada 26 Mac.

Seru pelajar menuntut ilmu, jaga adab

KLANG - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menitip kata semangat ketika bersahur bersama 268 pelajar dan tenaga pengajar Yayasan Selangor sempena program Rewang Sahur.

Menyeru pelajar memanfaatkan peluang pendidikan di institusi itu dengan memperoleh keputusan cemerlang, beliau berkata mereka beruntung kerana berpeluang ke yayasan berkenaan.

"Dalam hampir sejuta pelajar, anda sebahagian yang berpeluang mendapat pendidikan di Yayasan Selangor. Peluang ini harus direbut sebaik mungkin bagi mendapat keputusan cemerlang.

"Namun, ia bukan sekadar keputusan di kertas kerana ia sebahagian dalam kehidupan. Pelajar perlu memahami kemahiran dengan menjaga adab dan tingkah laku," katanya pada 23 Mac.

Amirudin yang juga Pengerusi ahli Lembaga Pemegang Amanah turut menyampaikannya duit raya selain mengagih pek sahur kepada anggota keselamatan dan penguat kuasa Majlis Bandaraya Diraja Klang.

MBI agih 5,000 bubur lambuk

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI mengagih 5,000 pek bubur lambuk kepada orang ramai sekitar sini melalui program Jelajah Bubur Lambuk 2024.

Menurut ketua tanggungjawab sosial korporat MBI, agihan dibuat di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, ibu pejabat polis kontinjen Selangor dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Ahmad Azri Zainal Nor juga menjelaskan program pada 23 Mac itu melibatkan kerjasama Media Selangor Sdn Bhd, Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor dan Wanita Berdaya Selangor.

Turut sama, Ara Damansara Medical Centre, Jabatan Penerangan Negeri Selangor, Tourism Selangor, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung cawangan Shah Alam dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

"Kita mendapat tajaan 150 kilogram beras dari Bernas untuk memasak juadah bermula jam 7 pagi. Seramai 200 sukarelawan dari pelbagai agensi bertungkus lumus menjayakan program," katanya.

Agihan dibuat ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, ibu pejabat Polis Kontinjen Selangor dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Muafakat kukuh Kerajaan Perpaduan

SHAH ALAM - Semangat muafakat sesama pimpinan parti dalam Kerajaan Perpaduan menjadi elemen penting bagi memastikan gabungan tersebut terus kekal utuh di Selangor.

Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) negeri Dato' Seri Amirudin Shari berkata semangat itu membawa Kerajaan Perpaduan ke landasan betul untuk mengemudi pentadbiran negeri dan negara.

Beliau percaya faktor tersebut menyebabkan pemimpin pembangkang semakin terdesak meskipun me-

reka tampak kuat dan lantang dalam beberapa isu semasa.

"Kita berdepan barisan pembangkang yang 'desperate' (terdesak). Walaupun suara mereka kuat, nampak lantang, sebenarnya mereka semakin terdesak.

"Sebab itu, saya percaya kita kena kuat, sepakat, berpadu dan mengumpul kekuatan. Kita cuba sedaya upaya dan semampu mungkin memberikan yang adil kepada semua," katanya.

Beliau berucap dalam Majlis Berbuka Puasa Dato' Menteri Besar bersama

pimpinan Kerajaan Perpaduan Selangor di kediaman Rasmi Dato' Menteri Besar di sini pada 20 Mac.

Majlis tersebut turut dihadiri Pengerusi Amanah Selangor Ir Izham Hashim, Timbalan Pengerusi Umno Selangor Datuk Johan Abd Aziz selain kira-kira 300 pimpinan parti pelbagai peringkat.

Dalam majlis sama, Amirudin menyampaikan sumbangan Ramadan RM60,000 kepada parti gabungan Kerajaan Perpaduan Selangor untuk merancang kegiatan imarah masjid dan surau.

Hijrah Selangor-AKPK meterai usahasama

Tingkat kutipan pinjaman niaga

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) memeterai usaha sama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi meningkatkan kadar kutipan bayaran balik pembiayaan.

Dato' Menteri Besar berkata kerjasama tersebut juga memberi peluang kepada AKPK bagi membantu usahawan terjejas dan menyelaras semula pengurusan kewangan bagi melunaskan pinjaman.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, sebanyak 1,000 akaun pembiayaan tertunggak dengan anggaran nilai

RM12 juta akan diserahkan kepada agensi berkenaan untuk diuruskan dalam fasa pertama.

"Hanya 25 peratus berdepan masalah tunggakan bayaran dan tegar. Kita akan tangani dengan cara tertentu termasuk pengurusan kewangan berkualiti supaya mereka tidak terbeban," katanya.

Beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Selangor Dato' Mearia Hamzah dan Ketua Pegawai Eksekutif AKPK Azaddin Ngah Tasir di sini pada 20 Mac.

Majlis itu turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Saipolyazan Mat Yusop dan EXCO Pemberdayaan

Usahawan Najwan Halimi.

Sementara itu, Mearia berkata kerjasama dengan AKPK turut membabitkan pelaksanaan pendidikan kewangan dan latihan pembangunan diri kepada usahawan kendalian Hijrah Selangor.

Katanya, kaedah literasi dan pendidikan pengurusan kewangan akan dianjurkan menerusi bengkel webinar dan portal pembelajaran selain penggunaan alat bantuan kewangan dan perakaunan AKPK.

"Perjanjian ini mencerminkan komitmen kedua-dua pihak untuk bekerjasama secara aktif khususnya membantu memberikan impak positif kepada usahawan di Selangor," katanya.

Fokus bangunkan ekonomi negeri

SHAH ALAM - Penjawat awam perlu fokus kepada rancangan membangunkan ekonomi termasuk Rancangan Selangor Pertama (RS-1), kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau mengingatkan kelompok tersebut supaya cakna keadaan semasa dan sentiasa bergerak seiring matlamat seterusnya kekal penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Kita kena fokus. Kalau kita hilang fokus, kita tidak boleh capai matlamat hendak jadi negeri pintar. Kita kena kerja berpasukan dan bersatu-padu.

"Tidak boleh hilang tumpuan. Kalau terus fokus, kita mampu kekal negeri yang sumbang ekonomi terbesar, kelestarian dan kehidupan baik," katanya pada 22 Mac.

Merujuk agenda RS-1, Amirudin

menjelaskan Selangor ada pelan menyeluruh dari banyak peringkat yang diteliti sejak 2018 merangkumi pelbagai dasar antaranya pengangkutan dan aeroangkasa.

Pada Januari, beliau ketika menyampaikan amanat tahun baharu mengarahkan penjawat awam agar pantas memberi maklum balas terhadap sebarang isu terutama yang tular di media sosial.

| WAKTU SOLAT | Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang | | | | | | | | Klang dan Kuala Langat | | | | | | | | Sabak Bernam dan Kuala Selangor | | | | | | | |
|-------------|--|-------|--------|-------|------|---------|-------|-------|------------------------|--------|-------|------|---------|-------|-------|-------|---------------------------------|-------|------|---------|-------|--|--|--|
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | | | |
| 28 Khamis | 5:57 | 6:07 | 7:13 | 1:21 | 4:21 | 7:24 | 8:33 | 5:58 | 6:08 | 7:14 | 1:22 | 4:21 | 7:25 | 8:33 | 5:59 | 6:09 | 7:15 | 1:23 | 4:24 | 7:26 | 8:35 | | | |
| 29 Jumaat | 5:56 | 6:06 | 7:13 | 1:21 | 4:21 | 7:24 | 8:33 | 5:57 | 6:07 | 7:14 | 1:21 | 4:22 | 7:24 | 8:33 | 5:59 | 6:09 | 7:14 | 1:23 | 4:23 | 7:26 | 8:35 | | | |
| 30 Sabtu | 5:56 | 6:06 | 7:12 | 1:20 | 4:21 | 7:24 | 8:33 | 5:57 | 6:07 | 7:13 | 1:21 | 4:22 | 7:24 | 8:33 | 5:58 | 6:08 | 7:14 | 1:23 | 4:22 | 7:26 | 8:35 | | | |
| 31 Ahad | 5:56 | 6:06 | 7:12 | 1:20 | 4:22 | 7:24 | 8:33 | 5:56 | 6:06 | 7:13 | 1:21 | 4:23 | 7:24 | 8:33 | 5:58 | 6:08 | 7:13 | 1:22 | 4:23 | 7:26 | 8:35 | | | |
| 01 Isnin | 5:55 | 6:05 | 7:11 | 1:20 | 4:22 | 7:23 | 8:32 | 5:56 | 6:06 | 7:12 | 1:20 | 4:23 | 7:24 | 8:33 | 5:57 | 6:07 | 7:13 | 1:22 | 4:23 | 7:26 | 8:35 | | | |
| 02 Selasa | 5:55 | 6:05 | 7:11 | 1:20 | 4:23 | 7:23 | 8:32 | 5:55 | 6:05 | 7:12 | 1:20 | 4:23 | 7:23 | 8:33 | 5:57 | 6:07 | 7:13 | 1:22 | 4:24 | 7:26 | 8:35 | | | |
| 03 Rabu | 5:54 | 6:04 | 7:11 | 1:19 | 4:23 | 7:23 | 8:32 | 5:55 | 6:05 | 7:12 | 1:20 | 4:24 | 7:23 | 8:32 | 5:56 | 6:06 | 7:12 | 1:22 | 4:24 | 7:25 | 8:35 | | | |



Manfaat untuk masa hadapan

Kemas kini Padu mudah, selamat

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Orang ramai terutama ketua isi rumah disaran segera mengemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (Padu) sebelum 31 Mac berikutan prosesnya mudah lagi selamat.

Jurulatih sukan Muhammad Asyraf Azan, 35, memberitahu orang awam tidak perlu gusar terhadap kemungkinan kebocoran maklumat kerana kerajaan memberi jaminan perkara itu tidak berlaku.

"Pada masa sama, rakyat juga perlu sedar dalam dunia tanpa sempadan ini, segala data individu berada di merata-rata tempat.

"Beli barang dalam talian, kita guna alamat rumah, nombor telefon, malah



beri data perbankan. Proses daftar Padu ini mudah, kemas kini sahaja data. Kebanyakan maklumat tersedia," katanya.

Suri rumah R Shamala, 39, berkata beliau bergegas ke kaunter fizikal untuk mendaftar Padu sebaik dimaklumkan abangnya mengenai kemudahan tersebut.

"Mudah saja prosesnya, sebelum ini saya fikir ambil masa lama. Rupa-rupanya sekejap sahaja.

"Saya suri rumah, suami pemandu bas. Jadi, saya bimbang tercicir bantuan kalau tidak daftar.

"Diharap dengan adanya data ini, ia dapat membantu kerajaan untuk menyediakan lebih banyak manfaat terutama untuk orang susah," kata penerima Sumbangan Tunai Rahmah itu lagi.

Juruterapi perbidanan Reina Bahari, 62, pula mengakui ada data yang dikumpul menerusi banciaan sebelum ini tetapi

Padu lebih tersusun tetapi memerlukan setiap bahagian diisi terperinci.

"Kerajaan bertanggungjawab mengumpul data terkini supaya program kebajikan lebih berkesan. Tidak ambil masa lama pun. Semua data memanfaatkan kita semula pada masa depan," katanya.

Mereka ditemui selepas menghadiri sesi pendengaran awam bersama Menteri Ekonomi Rafizi Ramli di sini pada 23 Mac. Hadir sama, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Januari, Padu menjadi platform maklumat bagi meningkatkan kecekapan pengagihan subsidi dan bantuan kepada rakyat memerlukan.

Pendaftaran boleh dibuat melalui pautan <http://www.padu.gov.my> antara 2 Januari sehingga 31 Mac. Kaunter fizikal juga dibuka bagi memudahkan orang ramai mengemas kini maklumat.

Pantau elak jualan produk hina Islam

SHAH ALAM - Pemeriksaan terhadap premis jualan lain di Selangor akan dijalankan bagi memastikan tiada produk menghina Islam termasuk stoking tertera kalimah Allah di pasaran.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan tindakan dibuat melalui kerjasama pejabat EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah dan EXCO Kepenggunaan Datuk Rizam Ismail.

"Kita sudah bincang dan usaha penguatkuasaan itu untuk semak supaya tidak ada lagi di pasaran (stoking). Kita akan ke KK Mart untuk melihat bekalan mereka dan juga tempat lain.

"Ini susulan laporan di Johor, terdapat (penjualan stoking) di premis lain. Jadi, kita mahu periksa adakah bekalan stoking masih ada," katanya pada 22 Mac.

Amirudin juga tidak menolak kemungkinan untuk memanggil pengurusan KK Mart bagi mendengar penjelasan lanjut berikutan penjualan stoking yang menghina Islam.

"Perlu ikhlas dan jujur minta maaf. Mereka kena bertanggungjawab dengan stoking berkenaan dan pastikan tiada lagi barang-barang yang mengganggu dan melukakan hati umat Islam," katanya.

ADVERTORIAL

Kerjasama PREC, MBSB Bank dan PayNet

Sedekad FESTIRA tawar RM30,000

SHAH ALAM - Festival Ramadan Selangor 2024 (Sedekad FESTIRA) kembali memeriahkan sambutan Ramadan dan Aidilfitri dengan kempen "Cabutan Bertuah Sedekad FESTIRA - Beli, Imbas & Menang 2024".

PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) sebagai penganjur Sedekad FESTIRA tahun ini sekali lagi menjalin kerjasama dengan MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) bagi memacu perniagaan tanpa tunai serta memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Kerjasama strategik anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) itu memberi manfaat kepada para peniaga bawah seliaannya menerusi penggunaan produk digital serta platform bayaran runcit masa nyata (RPP) yang diurus PayNet, sekali gus memudahkan pengunjung.

Bagi menggalakkan transaksi tanpa tunai, Sedekad FESTIRA turut menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM30,000 kepada pengunjung dan peniaga yang menyertai festival itu bermula 21 Mac hingga 9 April.

Hadiah utama berupa sebuah motosikal menanti pemenang, di samping hadiah lain antaranya skuter elektrik, televisyen, tablet, jam pintar dan peranti elektronik.

Peniaga turut berpeluang memenangi hadiah keseluruhan berupa wang tunai RM5,000 jika berjaya merekodkan bilangan transaksi terbanyak pelanggan yang menggunakan sistem tanpa tunai melalui imbasan kod DuitNow QR sepanjang kempen.

Sedekad FESTIRA direka khusus bagi menyokong agenda Kerajaan Negeri dalam usaha membantu pengusaha tempatan dan PKS dengan menghimpunkan lebih 1,200 usahawan yang menjual pelbagai barangan



keperluan Ramadan serta persediaan Aidilfitri.

Karnival tahunan ini juga menyediakan pelbagai juadah terbuka di lebih 200 gerai di dua lokasi iaitu bazar sepanjang SACC Walk dan Bazar Ramadan Kompleks PKNS Shah Alam yang tersenarai antara lima bazar Ramadan terbaik di Selangor pada tahun lalu.

Menampilkan kelainan dari segi dekorasi dan hiasan di setiap lokasinya, Sedekad FESTIRA turut menyediakan aktiviti serta persembahan pentas yang dibarisi artis tempatan antaranya Elyana, Ezlynn, Najwa Latif, Haiza, Dafi, Syura, Nomad, Neeta, Ayu Damit, Nizam Laksamana dan Azmi Saat.

Dengan tema Sedekad Lebaran Penuh Bermakna, FESTIRA 2024 yang berlangsung selama 48 hari sejak 22 Februari (Pra Ramadan) di lima lokasi iaitu Kompleks PKNS Shah Alam, Kompleks PKNS Bangi, pusat beli-belah SACC Shah Alam serta dua lokasi baharu iaitu Plaza Alam Sentral Shah Alam dan SACC Walk.

Kempen Sedekad FESTIRA

Syarat Penyertaan

- Terbuka kepada pengunjung di Kompleks PKNS Shah Alam, pusat beli-belah SACC Shah Alam, Kompleks PKNS Bangi, Plaza Alam Sentral Shah Alam dan SACC Walk Shah Alam
- Penyertaan berumur 18 tahun dan ke atas semasa tarikh kempen bermula
- Kakitangan anak syarikat dan kumpulan pihak penganjur, penaja dan keluarga terdekat (pasangan, anak, ibu dan ayah serta adik beradik) tidak layak menyertai
- Pemenang dihubungi penganjur untuk hadir semasa cabutan dan mengambil hadiah
- Tarikh dan butiran cabutan akan dimaklumkan di dalam laman sosial PKNS Real Estate (Facebook dan Instagram)

Cara Penyertaan

- Belanja minimum RM50 (dalam satu resit atau lebih) di mana-mana lokasi Sedekad FESTIRA
- Bayar dengan cara imbas kod DuitNow QR
- Tangkap layar paparan resit pembayaran kod DuitNow QR di telefon bimbit
- Imbas kod QR penyertaan yang disediakan
- Isi butiran peribadi dan muat naik resit pembelian
- Hantar penyertaan **sebelum 10 April 2024**

Selesai isu lantikan secara muafakat

SHAH ALAM - Isu pembahagian jawatan ketua kampung dan ahli majlis antara gabungan Kerajaan Perpaduan di Selangor selesai secara muafakat sebelum perayaan Aidilfitri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pertemuan diatur dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk menyelesaikan isu itu tidak lama lagi.

"Untuk jawatan ahli majlis, dalam seminggu dua akan selesai. Jawatan ketua kampung sebelum Aidilfitri, saya atur pertemuan dengan timbalan perdana menteri," katanya pada 20 Mac.

Beliau berharap setiap perbincangan dapat dilaksana secara terbuka bagi membantu urus tadbir lebih cekap.

"Untuk jawatan ahli majlis, kita pilih mereka yang ada kelayakan ikhtisas atau profesional yang tidak mempunyai jawatan utama dalam parlimen atau parti," katanya.

Persediaan tangani bencana alam

SHAH ALAM - Dasar perubahan iklim akan diperkenal bagi memberi penerangan terhadap situasi semasa selain langkah persediaan jika berlaku bencana alam, kata EXCO alam sekitar.

Jamaliah Jamaluddin menjelaskan Selangor menjadi negeri pertama yang bakal mewujudkan dasar berkenaan di negara ini yang turut mendedahkan kemungkinan yang dihadapi pada masa depan.

"Kita juga fokus untuk tambah baik mitigasi dan teknologi hijau. Ini yang kita masukkan dalam rancangan pada masa hadapan bawah Kerajaan Negeri," katanya pada 20 Mac.

Tahun lalu, Kerajaan Negeri menubuhkan Pelan Tindakan Teknologi Hijau bagi menangani isu perubahan iklim sekali gus mengurangkan pembebasan karbon.

Kerja stabil tanah siap tujuh bulan

SUBANG JAYA - Kerja penstabilan cerun fasa dua di Taman Wawasan, di sini dijangka siap antara enam hingga tujuh bulan.

Datuk bandarnya berkata pihaknya mengenal pasti pemilik tanah iaitu Wawasan Indera Sdn Bhd yang turut bersetuju menanggung keseluruhan kos serta kerja pemuliharaan di Jalan Wawasan.

"Pihak pemaju akan mengambil alih sepenuhnya kerja pembaikan dan ia akan dijalankan segera.

"Penduduk diharap bersabar kerana proses ambil alih pemaju sedang dilakukan," kata Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim pada 26 Mac.

Kejadian 16 Disember tahun lalu itu mengakibatkan 29 penghuni di sembilan rumah diarah berpindah atas faktor keselamatan, susulan kejadian tanah runtuh.

Rai 100 keluarga kurang mampu

SHAH ALAM - Seramai 100 keluarga kurang berkemampuan daripada empat Dewan Undangan Negeri (DUN) diraikan dalam program Jalinan Ukhuwah sempena Ramadan di Hotel Concorde Shah Alam.

EXCO Pembasmian Kemiskinan V Papparaidu berkata majlis terbuka puasa itu antara lain menjadi medan pemimpin negeri terutamanya wakil rakyat untuk mendekati golongan berkenaan.



"Apa yang penting majlis ringkas ini juga bagi mewujudkan jaringan perhubungan yang harmoni, eratkan ukhuwah antara golongan yang kurang berkemampuan, pemimpin Kerajaan Negeri dan penjawat awam negeri ini. "Melalui bantuan yang disalurkan, ia membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan ini secara berterusan dan ia disemarakkan lagi dengan niat yang ikhlas daripada kita semua untuk

bantu ringankan beban mereka," katanya pada 24 Mac.

Program anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio Ekonomi menghimpunkan golongan memerlukan dari DUN Kota Kemuning, DUN Batu Tiga, DUN Kota Anggerik, DUN Sungai Kandis dan Kelab Kebajikan SUK Selangor.

Beliau yang diiringi Ahli Dewan Negeri Batu Tiga Danial Al-Rashid Haron menyerahkan sumbangan kepada peserta bagi meringankan beban mereka membuat persiapan Aidilfitri.

Penuhi permintaan industri

Hab logistik rantau Asia Tenggara

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Kedudukan strategik menjadikan Selangor negeri yang berpotensi berkembang sebagai hab logistik terbaik di Asia Tenggara, kata EXCO Pelaburan Ng Sze Han.

Beliau menjelaskan permintaan terhadap industri berkenaan tinggi berikutan Selangor tumpuan perdagangan utama negara.

"Sejujurnya industri logistik belum memadai di Selangor kerana kita bu-

kan setakat pasarkan barang di negeri ini tetapi juga untuk negeri lain dan pasaran antarabangsa.

"Kita tidak ada sasaran tetapi kita mahu jadikan Selangor sebagai hab logistik kerana ada lokasi strategik. Malah, industri itu juga semakin berkembang saban tahun," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pecah tanah gudang PTT Logistics Hub 1 di PTT Synergy Group Berhad di Bukit Jelutong di sini pada 24 Mac.

Pembinaan bernilai RM150 juta itu dijangka siap pada suku keempat ta-

hun hadapan meliputi kawasan seluas 1.49 hektar di Taman Perniagaan Elmina, Sungai Buloh.

Gudang pintar tersebut juga berfungsi secara automatik sepenuhnya sekali gus tidak menggunakan perkhidmatan pekerja asing dan dapat meningkatkan produktiviti.

Sze Han turut mengalu lebih ramai pelabur ke Selangor mengguna pakai teknologi penuh dalam industri masing-masing bagi mengurangkan ketergantungan terhadap pekerja warga asing.

Urus peniaga bazar tanpa permit

SHAH ALAM - Lokasi peniaga bazar Ramadan 'rambo' yang berniaga tanpa permit yang dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dikenal pasti, kata EXCO Pemberdayaan Usahawan Najwan Halimi.

Menyifatkan situasi itu terkawal, beliau berkata PBT membuat pemantauan dan penguatkuasaan berterusan bagi mengelakkan timbul perbalahan sesama peniaga, lapor Berita Harian.

"Biasanya timbul perselisihan apabila penjaja 'rambo' datang tiba-tiba tanpa permit, pacak gerai dan menimbulkan masalah dengan peniaga yang berdaftar dengan PBT," katanya pada 23 Mac.

Beliau menambah Kerajaan Negeri tidak menghalang mana-mana usahawan untuk berniaga sepanjang Ramadan tetapi perbuatan sedemikian tidak adil kepada peniaga yang mematuhi

peraturan.

Katanya, notis makluman lebih awal dibuat pada peringkat PBT sebelum bulan puasa supaya peniaga memohon permit sebelum menyertai mana-mana bazar Ramadan.

"Tidak adil untuk peniaga yang ada permit. Jadi, penguatkuasaan penting dan sedang dilakukan," katanya dan menambah tindakan kompaun diambil terhadap peniaga 'rambo'.

RM100 juta laksana pembersihan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) menyediakan dana RM100 juta bagi menjalankan kerja pembersihan demi memastikan bandar raya itu sentiasa bersih, sihat dan sejahtera.

Timbalan Datuk Bandarnya Mohd Zary Affendi Mohd Arif menegaskan pemantauan berterusan dan penguatkuasaan giat dibuat berikutan



kos tinggi untuk melaksanakan kerja pembersihan.

"MBDK sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang melaksanakan program gotong-royong seperti membekalkan peralatan," katanya dalam perhimpunan bulanan pada 18 Mac.

Beliau menambah Jabatan Perkhidmatan Persekitaran juga

membuat operasi di tapak sampah longgok selain meneruskan program bulanan kutipan kitar semula dan minyak masak terpakai.

Katanya, sebanyak 140 tapak sampah longgok dikenal pasti dan 84 daripadanya telah ditutup sepenuhnya manakala baki lebih kurang 40 peratus dijangka selesai pada tahun ini.

Selain itu, program kutipan kitar semula dan minyak masak terpakai diteruskan pada minggu keempat setiap bulan.

Sidec meterai lima MoU di Taipei

Perkukuh bidang teknologi, inovasi

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) dalam Sidang Kemuncak dan Ekspo Bandar Pintar di Taipei, Taiwan.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata kerjasama bidang inovasi dan teknologi mencakupi pengangkutan, penyelidikan dan pembangunan bandar pintar serta pendidikan kecerdasan buatan (AI).

Katanya, Sidec juga bekerjasama dengan Jabatan Teknologi Maklumat Kerajaan Bandar Raya Taipei bagi menubuhkan Makmal Mobiliti Selangor bagi merevolusi sistem pengang-

kutan di Selangor.

"Sidec turut menandatangani MoU dengan Persatuan Komputer Taipei bagi merangsang inovasi antara Selangor dan Taipei bagi menyokong pertumbuhan syarikat baharu dalam pasaran," katanya.



Kerjasama dengan Institut Industri Maklumat pula dimeterai untuk penyelidikan, pembangunan dan projek rintis teknologi bandar pintar serta sektor alam sekitar, sosial dan amalan tadbir urus.

Sze Han memberitahu MoU lain melibatkan Sekolah Digital Selangor dengan Akademi AI Taiwan dan Makmal AI Taiwan bagi menyediakan pendidikan AI kepada lepasan universiti.

Beliau menambah 10 syarikat pemula dari Selangor yang dibimbing Sidec turut menyertai ekspso berkenaan sebagai pendedahan untuk meneroka peluang peniagaan dalam pengajuran itu.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor mahu merebut peluang dalam teknologi baharu yang giat berkembang di seluruh dunia termasuk industri AI.

Justeru, peruntukan RM2 juta disediakan Kerajaan Negeri bagi memantapkan pembangunan dron menerusi pembinaan industri peranti keras (hardware).

Selain itu, RM1 juta diperuntuk dalam belanjawan tahun ini bagi menubuhkan Pusat AI Selangor bagi mengukuhkan lagi sistem perkhidmatan pentadbiran negeri.

Tidak lanjut tempoh daftar Padu

SHAH ALAM - Tiada cadangan untuk melanjutkan tempoh mengemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (Padu) yang berakhir pada 31 Mac, kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli.

Beliau memberitahu lanjutan masa tidak boleh dilakukan bagi mematuhi jadual pelaksanaan penstrukturan semula subsidi pukal kepada subsidi bersasar yang akan dibuat kerajaan.

Katanya lagi, kelewatan mengadakan subsidi bersasar mengakibatkan kerajaan menanggung sekurang-kurangnya RM2 bilion untuk subsidi petrol yang diberi secara pukal.

"Sedangkan jika diagih kepada keluarga memerlukan, ramai yang mendapat manfaat," katanya dalam sesi townhall di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini pada 23 Mac.

Dalam sidang Dewan Rakyat pada 26 Mac, Rafizi menjelaskan Padu mematuhi ciri keselamatan dan menepati piawaian antarabangsa, malah dua juta cubaan untuk menembusi sistem itu dipatahkan.

Beliau menambah pembangunan sistem berkenaan diketuai Jabatan Digital Negara yang bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi yang menguruskan keselamatan siber.

Rioooh Raya Bazaar GM Klang

ADVERTORIAL

Tawar jongkong emas lebih RM10,000

KLANG - GM Klang mencipta lebih kemeriahan menjelang Aidilfitri tahun ini dengan menganjurkan 'Rioooh Raya Bazaar 2024' yang menawarkan jongkong emas bernilai lebih RM10,000.

Bazar ini menampilkan lebih 40 reruai dengan pelbagai jualan produk raya seperti pakaian untuk seisi keluarga, koleksi tudung, biskut dan kuih raya, barangan dekorasi/kelengkapan rumah, pewangi dan pelbagai lagi.

Bertempat di tingkat bawah GM Klang, bazar ini bermula pada 21 Mac hingga 9 April dan beroperasi dari jam 10 pagi hingga 8 malam.

Bagi menyertai 'Rioooh Raya Bazaar 2024', pelanggan perlu berbelanja sebanyak RM200 ke atas di mana-mana reruai di bazar ini dengan menunjukkan resit pembelian, kemudian muat turun aplikasi Komuniti Bisnes GM Klang untuk layak memilih kunci bertuah bagi membuka peti mengandungi jongkong-

jongkong emas yang ditawarkan.

Sesi pemilihan kunci bertuah bagi membuka peti mengandungi jongkong emas itu akan dilakukan pada setiap Sabtu iaitu pada 23 dan 30 Mac serta 6 April di kaunter tingkat bawah Blok A, GM Klang, bermula jam 2 petang hingga 5 petang.

Pengurus Kanan Komunikasi Jenama GM Klang Norsuhaida Othman berkata bazar ini ibarat jalan pintas pelanggan untuk terus membeli barangan keperluan hari raya di satu ruang khas yang disediakan tanpa perlu berjalan di segenap ruang kompleks.

"Rata-rata peserta reruai ini adalah pemborong-pemborong kami sendiri di mana mereka telah menapis produk-produk keperluan raya yang bersesuaian atau yang setara di pasaran untuk dijual dengan harga yang lebih istimewa," katanya.

Sebarang pertanyaan lanjut hubungi Nurul Syazana di talian 012-339 8961 atau email nsyazana@gmklang.com



BELANJA & MENANG EMAS

REBUT PELUANG MEMENANGI JONGKONG EMAS 999.9 BERNILAI LEBIH RM10,000

- Belanja minimum RM200 (di mana mana booth Rioooh Raya Bazaar)
- Muat turun aplikasi Komuniti Bisnes GMKlang
Imbas dan muat turun
- Pilih kunci bertuah anda untuk membuka peti emas

Cabutan Bermula Setiap Sabtu, Jam 2 Petang Di Lokasi Rioooh Raya Bazaar

Tertakluk terma & syarat

15 YEARS of Growth & Milestones

Rioooh Raya Bazaar 2024

Rai 50 muafaf, erat ukhuwah

SHAH ALAM - Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) Selangor meneruskan tradisi terbuka puasa bersama 50 ahlinya tahun ini di Surau At-Ittihadiyyah Seksyen 9 dekat sini.

Pengerusinya Sofiah Chong Abdullah berkata program itu bertujuan meraikan golongan muafaf selain merapatkan silaturahim.

"Setiap tahun kita adakan program dengan kerjasama surau atau masjid. Pada tahun ini, kita bekerjasama dengan pihak surau bagi menyampaikan sumbangan wang tunai.

"MACMA Selangor turut mengadakan pelbagai aktiviti pemantapan dalam membantu muafaf menjalani kehidupan sebagai muslim termasuk kelas bimbingan," katanya pada 24 Mac.

Majlis berkenaan turut meraikan 15 kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah.

Bantu naik taraf ruang solat

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan sumbangan wakaf fisabilillah kepada Masjid Jamiul Ehsani, Kuala Langat.

Agensi itu menerusi Facebook memaklumkan dana RM7,878.31 bertujuan meringankan beban pengurusan masjid di Kampung Sijangkang untuk menaik taraf ruang solat utama.

"Semoga sumbangan ini memberi manfaat kepada jemaah masjid dan menjadikan jariah yang mengalir kepada pewakaf sehingga hari akhirat," maklum PWS.

Serahan cek cura disempurnakan Pengurus Bahagian Korporat PWS Muhammad Hafiz Bahari kepada wakil pengurusan masjid pada 21 Mac.

PWS menyeru masyarakat melaksanakan wakaf tunai secara dalam talian fpx.wakafselangor.gov.my atau infaqpay.my/go/wakafselangor

Bantuan niaga hingga RM50,000

SHAH ALAM - Usahawan di negeri ini yang memerlukan modal untuk mengembangkan perniagaan dipelawa memohon skim pembiayaan i-Bisnes.

Menurut Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor), pihaknya menawarkan pembiayaan sehingga RM50,000 untuk pembelian aset dan ubah suai premis perniagaan.

"Tawaran Skim Pembiayaan i-Bisnes sehingga RM50,000. Untuk permohonan, boleh mohon di mikrokredit.selangor.gov.my," kata kenyataan di Facebook pada 23 Mac.

Selain skim i-Bisnes, Hijrah Selangor turut menawarkan skim i-Bermusim, skim Niaga Darul Ehsan (NaDI), skim Go Digital dan skim Zero To Hero.

500 kupon PLATS di Alam Impian

SHAH ALAM - Sebanyak 500 Kupon Digital Rahmah bernilai RM10 diedar kepada pengunjung bazar Hijrah, Alam Impian di sini pada 21 Mac.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi berkata edaran itu sempena kempen Platform Selangor (PLATS) Masuk Bazar di lapan lokasi terpilih sepanjang Ramadan ini.

"Ia sebahagian daripada inisiatif PLATS untuk menggalakkan peniaga menggunakan kaedah pembayaran dalam talian ke arah usaha pendigitalan perniagaan mereka.

"Pada masa sama, inisiatif ini bukan

sahaja memberi nilai tambah kepada peniaga tetapi juga pengunjung yang mendapat tambahan RM10 untuk perbelanjaan mereka di bazar," katanya.

Najwan berkata pendigitalan dalam perniagaan penting bagi memastikan peniaga mendepani arus pesat perubahan teknologi sekali gus mengembangkan potensi perniagaan mereka dengan lebih meluas.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) memaklumkan pihaknya memperuntuk RM40,000 bagi menjayakan kempen PLATS Masuk Bazar sepanjang Ramadan

menerusi kerjasama dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Kajang.

PLATS diperkenalkan pada Ramadan 2020 bagi melengkapkan ekosistem Agenda Pendigitalan Selangor menerusi platform digital susulan penularan wabak Covid-19.

Ia antara inisiatif Kerajaan Selangor bagi membantu golongan perusahaan kecil dan sederhana mengadaptasi pendigitalan dalam perniagaan.

PLATS juga memperkenalkan inisiatif baharu iaitu program Latihan Pembangunan Usahawan Plats (U-PLATS) bagi membantu usahawan menguruskannya secara digital.



Edar pelekat kenderaan elak tertinggal anak

Perkenal kempen pandang belakang

Oleh **NAS NORZIELA NASBAH**

GOMBAK - Ibu bapa disaran melazimi amalan sentiasa pandang belakang sebelum keluar kenderaan bagi mengelakkan risiko anak tertinggal dalam kenderaan berulang hingga membawa maut.

EXCO kebajikan masyarakat memberitahu penjaga juga perlu memasang kerusi bayi sebelah kiri, menyediakan permainan, meletak barang peribadi, memberi perhatian dan menetapkan peringatan.

"Amal pandang belakang yang menjadi peringatan ada kanak-kanak berada dalam kenderaan. Terlupa anak atau

Forgotten Baby Syndrome (FBS) boleh berlaku kepada sesiapa sahaja.

"Insiden yang telah berlaku memberi amaran kepada kita bahawa tindakan pencegahan harus diambil segera bagi mengelakkan kes sama berulang," kata Anfaal Saari pada 21 Mac.

Merasmikan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Keluarga di sini, beliau berkata kempen berterusan digerakkan di media sosial, media massa dan program khidmat masyarakat.


"Bagi fasa pertama, 50,000 pelekat

Pandang belakang, Di mana anak anda sekarang? diedar kepada golongan sasaran," katanya.

Anfaal juga sedia bekerjasama dengan mana-mana pemain industri terutama syarikat pemula bagi menyediakan teknologi sokongan seperti peranti dan aplikasi khusus penjagaan kanak-kanak.

Kes kanak-kanak maut dalam kenderaan kerap berlaku antara November hingga Januari.

Terbaharu, kanak-kanak perempuan lima tahun meninggal dunia selepas tertinggal dalam kenderaan di tempat letak kereta Hospital Shah Alam pada 30 Januari.



RM100,000 tampung baiki asrama

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyumbang RM100,000 kepada Pertubuhan Kebajikan Ukhuwah Anak Yatim / Miskin Sabak Bernam (Ukhuwah) sempena Majlis Iftar Ramadan Kasih.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat) PKNS Suhaimi Kasdon berkata sumbangan tersebut inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) perbadanan itu bagi menyantuni golongan kurang bernasib baik termasuk anak yatim.

"Ini sekali gus mencerminkan komitmen perbadanan dalam memberi kem-

bali kepada masyarakat terutama pada bulan Ramadan.

"Sumbangan ini juga bagi menampung kos baik pulih bangunan asrama rumah kebajikan tersebut dan keperluan anak-anak di situ," katanya.

Majlis penyerahan sumbangan disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim di Pusat Konvensyen Shah Alam pada 20 Mac. Turut hadir EXCO Kerajaan Negeri Ir Izhah Hashim dan Borhan Aman Shah.

Pada majlis sama, PKNS meraikan 45 anak yatim daripada Pertubuhan Ukhuwah yang turut menerima sum-



bangunan duit raya.

Suhaimi berkata lebih RM129,000 diperuntuk bagi menggerakkan lima siri aktiviti sempena Ramadan Kasih PKNS dan sebahagiannya menggunakan wakalah agihan zakat perniagaan.

"Aktiviti CSR sebegini adalah program tradisi yang dilaksanakan Perbadanan setiap Ramadan sejak tahun 2014. Sebanyak lima siri aktiviti dijalankan antaranya bubur lambuk, bekal Ramadan dan beli-belah raya," katanya.

Majlis Iftar Ramadan Kasih PKNS 2024 turut dihadiri hampir 500 kakitangan dan diserikan dengan tazkirah disampaikan Haslin Bollywood.



Malam keagungan

Foto Ahmad Zakki Jilan

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **AHMAD ZAKKI JILAN**

Surah al-Qadr mengandungi lima ayat yang dikategori ayat Makkiah, diturunkan di Makkah dan selalunya membawa tema asas memurnikan kepercayaan umat Islam.

Surah ke-97 daripada 114, al-Qadr yang disusun selepas surah al-'Alaq menceritakan penurunan al-Quran pada lailatul qadar (malam ketentuan) dan keistimewaan malam itu.

Walau disebut-sebut jatuh pada satu daripada 10 malam terakhir Ramadan setiap tahun, waktu sebenar malam ganjil itu tidak ditetapkan. Dengan itu, umat Islam digalakkan terus-menerus beribadat dalam tempoh 10 hari agar sempat bertemu dengan malam agung tersebut.

Beribadah pada malam mulia itu digandakan pahalanya seperti beribadat seribu bulan. Pada malam itu juga doa dimakbulkan, manakala dosa diampunkan.

Selangorkini menyorot tiga sumber terkenal untuk menyelami makna surah itu.

Teks yang dirujuk: Tafsir al-Quran al-Azim tulisan Ibnu Kathir, Tafsir al-Munir (Dr Wahbah al-Zuhaili) dan Tafsir al-Azhar (Abdul Malik Abdul Karim Amrullah atau Hamka).

Karya Ibnu Kathir dianggap tafsir al-Quran klasik kedua terbaik selepas Tafsir at-Tabari. Ibnu Kathir menggunakan kaedah ayat al-Quran untuk menerangkan kembali ayat al-Quran itu sendiri, selain rujukan hadis.

Sementara Tafsir al-Munir pula lebih semasa hasil karangan ulama terkenal di Syria. Huraiannya mudah, teratur, lengkap dan sesuai dengan realiti zaman kini.

Manakala Tafsir al-Azhar dihasilkan ketika Hamka mengikuti kuliah subuh di sebuah masjid di Jakarta sejak 1958.

Huraian ringkas surah al-Qadr mengikut tiga ulama berkenaan seperti berikut:

Ayat pertama: **“Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al-Quran) pada malam lailatul qadar.”**

Ibnu Kathir: Ayat ini menjelaskan al-Quran diturunkan pada malam lailatul qadar yang penuh keberkatan seperti yang disebut dalam ayat ketiga surah ad-Dukhan. Al-Quran diturunkan dalam bulan Ramadan seperti ayat 185 surah al-Baqarah.

Ibnu Abbas berkata Allah menurunkan al-Quran sekali gus ke Luh Mahfuz dan Baitul Izzah (langit dunia) sebelum diwahyukan kepada Junjungan Besar secara terperinci

berdasarkan sebab dan peristiwa selama 23 tahun, termasuk 13 tahun di Madinah.

Dr Wahbah: Sesungguhnya Kami (Allah) mula menurunkan al-Quran pada malam lailatul qadar iaitu malam yang penuh keberkatan dan menyempurnakannya selama 23 tahun mengikut keperluan, realiti dan peristiwa.


Hamka: Ayat itu disimpulkan sebagai malam kemuliaan tertinggi kepada Nabi Muhammad kerana buat pertama kali pada waktu itu Jibril muncul di depan Baginda di Gua Hira'.

Ia dikenali malam penentuan yang memisahkan kufur dengan iman, jahiliyah dengan Islam dan syirik dengan tauhid.

Malam itu adalah malam yang istimewa daripada segala malam. Malam mulai terang-benderang wahyu datang ke dunia setelah terputus beberapa masa dengan habisnya tugas nabi terdahulu. Dan nabi yang kemudian ini Muhammad adalah penutup segala nabi dan rasul.

Ayat kedua: **“Dan apa jalannya engkau (Muhammad) dapat mengetahui apa itu kebesaran malam lailatul qadar.”**

Ibnu Kathir: Allah menceritakan tentang kebesaran malam lailatul qadar dengan penurunan al-Quran. ▶




Kitab: Tafsir al-Quran al-Azim

Pengarang: Ismail Umar (Ibnu Kathir)

Kepakaran: tokoh tafsir kurun ke-14, hasil banyak karya khususnya tafsir, hadis, ulumul hadis, sejarah Islam dan fekah

Bila dikarang: (tiada tarikh tepat)

Tebal: Empat jilid




Kitab: al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wal Shari'ah wal Manhaj

Pengarang: Wahbah Mustafa al-Zuhaili

Kepakaran: profesor Universiti Damsyik, anggota Majlis Tertinggi Fatwa Syria, Tokoh Maal Hijrah Malaysia pada 2008

Bila dikarang: siap 1988, diterbit 1991

Tebal: 16 jilid



Kitab: Tafsir al-Azhar

Pengarang: Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka)

Kepakaran: ilmuwan Indonesia khususnya tasawuf, aktif berpolitik sehingga dipenjara, siap tafsir ketika jalani tahanan di rumah

Bila dikarang: 1959 hingga 1966

Tebal: 10 jilid

Dr Wahbah: Ayat bentuk pertanyaan itu menunjukkan betapa agungnya kekuasaan Allah yang menetapkan segala yang perkara dikehendaki-Nya seperti disebut ayat keempat surah ad-Dukhan.

Maksudnya: "Pada malam yang berkat itu dijelaskan kepada malaikat tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat dan tetap berlaku (tidak berubah dan bertukar)."

Hamka: Ayat ini pertanyaan Allah untuk menarik perhatian sama ada Rasulullah mengetahui keagungan malam lailatul qadar. Ia disifatkan pertanyaan yang memperkukuh perhatian kepada nilai, makna dan rahsia tersembunyi pada malam itu.

Ayat ketiga: "**Malam lailatul qadar itu lebih baik daripada seribu bulan.**"

Ibnu Kathir: Nas ini ditafsirkan tentang amal saleh pada malam lailatul qadar lebih baik daripada amalan dilakukan selama seribu bulan atau bersamaan 83 tahun empat bulan.

Dr Wahbah: Dengan terbukanya pintu syurga dan tertutup pintu neraka serta syaitan pula dirantai, maka seseorang yang menghidupkan malam lailatul qadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, maka diampunkan dosanya yang lalu.

Hamka: Keutamaan malam kemuliaan atau malam lailatul qadar itu sama dengan seribu

bulan, lebih 80 tahun selanjut usia manusia.

Ayat keempat: "**Pada malam itu, turun malaikat dan ruh (Jibril) dengan izin Allah kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlaku pada tahun berikut).**"

Ibnu Kathir: Jibril dan malaikat lain turun ke langit dunia membawa rahmah dan keberkatan kepada individu yang membaca al-Quran, berzikir serta menaungi penuntut ilmu yang dengan sayap-sayap mereka pada malam itu.

Dr Wahbah: Malaikat turut mengaminkan doa manusia sehingga terbitnya fajar. Mereka juga membawa setiap urusan seperti takdir, rezeki, ajal dan maut yang telah ditentukan-Nya.

Hamka: Itulah sebab yang nyata dari kemuliaan itu. Laksana satu perutusan atau delegasi, malaikat-malaikat turun ke muka bumi ini bersama "ruh", yakni ketua sekalian malaikat.

Ayat kelima: "**Sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar.**"

Ibnu Kathir: Ayat ini menjelaskan malam lailatul qadar memberi kedamaian, keamanan, kebaikan dan kebajikan berterusan. Tiada kejahatan di dalamnya bermula tenggelam matahari hingga terbitnya fajar keesokan harinya.

Beberapa pandangan ulama menyatakan pada

malam itu syaitan tidak berupaya berbuat kejahatan dan keburukan, ditentukan ajal dan rezeki seseorang, atau kesejahteraan kepada mereka yang beribadat di masjid sehingga terbitnya fajar.

Dr Wahbah: Malam itu dipenuhi keselamatan, keamanan, kebaikan dan keberkatan yang berterusan. Tiada keburukan daripada tenggelam matahari hingga terbitnya fajar.


Hamka: Malam itu adalah malam penuh kesejahteraan, malam damai dalam jiwa Rasulullah SAW. Sebab pada malam itulah Baginda diberi pengertian mengapa sebelumnya Baginda mengalami beberapa pengalaman ganjil.

Ibnu Kathir membentangkan perbincangan panjang dengan pelbagai jalur riwayat hadis. Lailatul qadar boleh berlaku pada malam ganjil 21, 23, 25, 27 atau 29 Ramadan.

Dr Wahbah berhujah Allah menyembunyikan ketepatan malam tersebut sebagai galakan kepada umat Islam mengerjakan ketaatan, tidak lalai, tidak malas dan lebih bersungguh-sungguh beribadah.

Hamka menyebut tidak kurang 45 sumber hadis tentang bila terjadinya malam lailatul qadar seperti dicatatkan Ibnu Hajar dalam karya Fathul Bari Syarah Sahih al-Bukhari.

Ia bermaksud tiada penentuan tarikh khusus dan jelas berlaku malam tersebut.



Al-Qadr di mata Hamka



MARWAN BUKHARI A HAMID
ialah penulis dan penterjemah.
Lulusan Universiti Yarmouk,
Jordan dan Universiti
Sains Islam Malaysia

Antara kisah yang kerap mengiringi perbualan masyarakat tentang lailatulqadar ialah tanda-tandanya yang aneh. Sebahagiannya ialah cerita tentang pokok dan bukit yang turut bersujud pada malam itu.

Ilmuwan nusantara, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Hamka turut berkongsi dalam bukunya, Renungan Tasawuf tentang pengalamannya dihidangkan cerita sebegitu sewaktu beliau kecil.

“Berpuluh tahun telah berlalu, namun kerana cerita Engku Lebai entah yang mempersukar, kita tidak pernah mendapati malam lailatulqadar itu, tidak melihat langit terbuka, air berhenti mengalir dan kayu-kayuan sujud ke bumi, apatah lagi rumah.”

Demikian komen Hamka setelah dewasa. Namun, apakah cerita itu sepenuhnya salah ataupun sebenarnya kefahaman kita yang perlu dinilai kembali?

Sebelum menjawab pertanyaan itu, mari kita fahami terlebih dahulu mengapa cerita aneh tersebut timbul. Tidak lain dan tidak bukan, alasannya adalah kerana keagungan malam itu sendiri.

Keagungan lailatulqadar dibuktikan oleh al-Quran sendiri iaitu rujukan yang diimani dan diterima tanpa bahas oleh seluruh umat Islam. Terdapat surah khusus yang menyebut tentangnya iaitu surah al-Qadr.

Jika diamati, dua fokus utama dalam surah ini ialah keagungan al-Quran dan kemuliaan lailatulqadar. Sebab itu, ahli tafsir besar Indonesia Quraish Shihab menyebut keduanya sebagai tema utama surah ini.

Ayat pertama sudah menyebut tentang “Kami menurunkannya pada malam al-Qadr.”

Kata “kami” (inna) digunakan kerana menggambarkan keagungan Tuhan Yang Menurunkannya, sementara kata al-Quran pula memadai disebut dengan “nya” (hu) iaitu kata ganti diri ketiga.

Antara sebabnya menurut Imam al-Razi adalah kerana al-Quran sudah terkenal hingga kalau disebut dengan kata ganti diri ketiga pun sudah cukup.

Ada pelbagai tafsiran ulama tentang makna lailatulqadar atau malam al-Qadr. Antaranya ialah malam keagungan kerana itu saat al-Quran yang agung pertama kali diturunkan ke dunia kepada Nabi agung SAW.

Atau dalam bahasa Allama Muhammad Diraz dalam bukunya tentang puasa, itu malam yang mulia yang diturunkan padanya kitab yang mulia kepada umat yang mulia.



Ada ulama yang berpandangan kerana pada malam itu ditentukan takdir bagi tahun seterusnya. Jadi, malam al-Qadr juga bermaksud malam penentuan takdir.

Malam yang sempit

Ada juga yang berkata malam al-Qadr bermaksud malam yang sempit kerana banyak malaikat turun ke bumi pada malam tersebut sebagaimana terdapat dalam ayat keempat surah itu.

Ketiga-tiga pandangan ini boleh didapati dalam banyak tafsiran ulama klasik mahupun kontemporari. Sheikh Fadl Hasan ‘Abbas menyebut ketiga-tiganya dalam tafsir beliau.

Keagungan lailatulqadar tidak hanya terdapat dalam surah al-Qadr, malah juga dalam beberapa surah lain. Antaranya ialah al-Baqarah ayat 185 yang menyebut Ramadan diturunkan al-Quran.

Tiga fungsi utama al-Quran juga dijelaskan dalam ayat itu iaitu menjadi petunjuk kepada manusia, menerangkan petunjuk dan menjelaskan antara yang benar dan salah.

Dalam al-Dukhan ayat 3 pula dinyatakan malam tersebut adalah malam yang diberkati (laylat mubarakah). Dalam surah al-Qadr, disebut keberkatannya dengan ungkapan “lebih baik daripada seribu bulan.”

Demikianlah ternyata keagungan lailatulqadar daripada hujah-hujah al-Quran sendiri. Maksudnya, keagungannya merangkumi pelbagai sudut termasuk keberkatan malam dan kedatangan malaikat memenuhi bumi.

Lebih utama, keagungannya adalah kerana malam itu diturunkan al-Quran. Agung kerana misi al-Quran sendiri agung. Al-Quran mengajarkan jalan hidup sebagai manusia

terhormat yang menjaga hubungan dengan Allah, menjaga hak manusia dan alam sekitar.

Al-Quran mengajarkan pelbagai akhlak dan nilai hingga sesiapa yang mengikutinya akan menjadi manusia budiman. Nabi Muhammad SAW laksana al-Quran bergerak yang membawa misi perubahan kepada kemanusiaan sejagat.

Malam itu adalah malam pengubah kenyataan sejarah.

Itu nikmat besar, maka kita diajar mensyukurinya dengan beribadat dan berdoa kepada Allah. Dalam hadis yang diriwayatkan al-Bukhari, baginda berpesan agar mencarinya pada malam-malam ganjil.

Kembali kepada pertanyaan mengenai cerita ajaib di awal makalah ini, sejauh mana kebenarannya?

Hakikat ketundukan seluruh alam kepada Allah tuhan sekalian alam ada disebut dalam beberapa ayat, antaranya al-Haj ayat 18 yang menyebut sujudnya segala yang ada di langit dan di bumi kepada-Nya.

Hamka berkata, kalau ketika masih muda mungkin kita akan menganggap cerita sebegitu sebagai dongeng sahaja. Tapi setelah didalami ayat al-Quran seperti al-Haj ayat 18 itu, maka beliau berkata itu benar-benar terjadi.

Syaratnya kita tidak melihat cerita ajaib itu dengan mata fizikal yang terbatas fungsinya. Sebabnya “saudara memakai mata alat pelihat benda yang sangat terbatas ini untuk melihat alam rohaniah yang begini luas, selamanya saudara akan gagal!”

Adapun jika mata batin atau mata rohani seseorang buta, maka dia tidak akan melihat semua itu. Andai mata rohani celik, barangkali dengan pejam mata pun kita boleh melihat sambil menyertai jagat bersujud kepada Allah.

Festival turath kupas kitab Imam an-Nawawi

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Selangor meningkatkan lagi usaha memartabat syiar Islam dengan menganjurkan majlis ilmu yang mendalam melalui syarahan tokoh ulama antarabangsa.

Dianjurkan kali pertama tahun lalu, Festival Turath Islami Selangor kali kedua hujung bulan Mei dijangka lebih menarik dengan penambahan beberapa program baharu.

Program yang sedang dirancang: kuliah lengkap syarah Hadis 40 Imam an-Nawawi oleh bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab, pameran turath Islami dan konsert zikir daripada artis terkenal luar negara.

Festival tahun 2023 mengangkat kitab Imam al-Ghazali khususnya Ihya Ulumuddin sebagai tajuk perbincangan, tetapi festival tahun ini antara 26 Mei hingga 2 Jun bakal mengangkat seorang lagi ulama besar, Imam an-Nawawi.

Selain kitab Hadis 40, karya hebat sarjana ulung mazhab Syafie itu termasuklah al-Minhaj, kitab syarah Sahih Muslim, dan himpunan pelbagai hadis berkaitan ibadat Riyadus Solihin.

Kitab-kitabnya menjadi rujukan dunia, termasuk di Timur Tengah dan Asia Tenggara, khasnya dalam kalangan pengikut Ahli Sunnah wal Jamaah dan mazhab Syafie.

Nama asalnya Yahya bin Sharaf, an-Nawawi hidup di Syria pada abad ke-13, pada zaman pemerintahan Mamluk. Beliau mengarang kira-kira 50 buah karya dalam pelbagai bidang termasuk hadis, akidah dan fekah.

Sepanjang hayatnya 45 tahun, beliau menghabiskan masa hampir tiga dekad mengarang lebih kurang 40 halaman setiap hari sejak usia 18 tahun.

"Lebih menarik, huraian Hadis 40 an-Nawawi akan disampaikan oleh Syeikh Ali Jumaah melalui kitab syarah karangan beliau sendiri. Edisi terjemahan bahasa Melayu kitab syarahan ini kita akan guna dalam pengajian (bulan Mei ini)," kata Pengarah Sekretariat Turath Farhan Affandi.

"Setiap tahun, jika festival ini berjaya diadakan lagi, kita merancang mengangkat seorang tokoh ulama besar dan kitabnya yang paling penting."

Jelasnya, kitab syarah Dr Ali Jumaah itu dipilih kerana ia menghurai isu semasa, menjadikan perbahasan ilmu "lebih segar" selama lima hari dalam beberapa sesi sebelah pagi, petang dan malam.

Semua 10 acara terbuka yang dirancang selama seminggu dijadual diadakan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Hanya perbincangan ilmiah dirancang dibuat di sebuah universiti milik kerajaan negeri.

Sebagai menambah daya tarikan ke festival

“Huraian Hadis 40 an-Nawawi akan disampaikan oleh Syeikh Ali Jumaah melalui kitab syarah karangan beliau sendiri. Edisi terjemahan bahasa Melayu kitab syarahan ini kita akan guna dalam pengajian (bulan Mei ini)



tahun kedua, penganjur merancang mempamerkan sejumlah manuskrip al-Quran dan kitab karangan ulama Melayu termasuk motif, warna dan ragam hias naskhah-naskhah tersebut.

Pameran itu diadakan bertujuan sebagai langkah awal mendekati peserta untuk menelusuri keunikan khazanah warisan Islam oleh ulama nusantara terdahulu. Pameran ini dikatakan berlangsung sepanjang festival ini.

Setelah puas bergelut dengan menadah kitab, membahas dan menyelami pemikiran Imam an-Nawawi, peserta dihidangkan dengan konsert awam yang mempersembahkan lagu puji-pujian kepada Allah dan Rasul.

Menadah kitab

Berbanding festival antara 20 hingga 25 Mei tahun lepas yang penulis ini ikuti hampir sepenuhnya, festival tahun ini jelas lebih padat dan mengujakan dari sudut pengisian program.

Difahamkan penganjur mengekalkan format program tahun lepas seperti seminar, perbincangan ilmiah, majlis zikir, daurah dan syarahan. Gaya pengajian tradisi secara bertalaqqi (menadah kitab) dan pembentangan kertas kerja dikekalkan.

Penganjuran kali ini turut melibatkan lebih ramai ilmuwan besar dan terkenal dari Thailand, Indonesia, Singapura, Mesir dan Yaman. Ditambah ilmuwan tempatan, kehadiran mereka ini akan mendorong perbahasan lebih menarik.

Bagaimanapun masih tidak pasti sama ada tokoh-tokoh yang dijemput boleh hadir seperti dijadual kerana penganjur masih menunggu maklum balas daripada tokoh terbabit. Perkembangan ini dimaklum dari semasa ke semasa.

Untuk mereka yang ingin mencari kitab penting dalam bahasa Melayu, terjemahan beberapa jilid lagi Ihya Ulumuddin dan kitab



syarahan Hadis 40 karya Dr Ali Jumaah akan dijual sepanjang festival.

Terjemahan lengkap karya Imam al-Ghazali itu yang diterbitkan berperingkat-peringkat dibiayai oleh Kerajaan Negeri bawah Siri Warisan Islami Selangor.

Seperti Siri Pencerahan Selangor yang dimulakan pada 2016, siri ini juga dijayakan oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE).

Festival cetusan idea Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berjaya menarik lebih 10,000 peserta termasuk dari Indonesia, Thailand dan Singapura. Mereka memenuhi ruang bagi mendengar sendiri perbahasan para ulama.

Acara sulung festival 2023 dimulai huraian

kitab al-Ghazali oleh Dr Ali Jum'ah. Ahli Majlis Tertinggi Ulama Universiti al-Azhar itu, bersama Mufti Selangor Dato' Dr Anhar Opir, turut memimpin majlis zikir.

Tradisi al-Quran

Tokoh tempatan dan antarabangsa seperti Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar, Dr Said Aqil Siradj, Datuk Dr Muhammad Nur Manuty dan Baba Ghazali Ahmad Al-Fathoni berbicara dalam Seminar Penghayatan Ihya Ulumuddin.

Rata-rata peserta menikmati kupasan mereka yang membangkitkan keghairahan berilmu, berpegang teguh kepada tradisi

al-Quran serta hadis, dan menjaga akhlak melalui amalan kerohanian.

Sarjana Universiti al-Azhar itu amat arif membicarakan keilmuan al-Ghazali dengan membentang sejarah dan penyusunan adiknya itu dalam tiga sesi program Daurah Afkar Ihya Ulumuddin.

Sepanjang daurah itu, beliau mengupas isi utama tujuh bab awal kitab Ihya Ulumuddin antaranya keutamaan ilmu, akidah, rahsia bersuci, solat, puasa, zakat dan haji dalam kerangka dalam pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Tidak cukup dengan itu, kitab Ihya dibaca dan diajar kepada peserta oleh ulama pondok Pattani Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni

Sebagai menambah daya tarikan ke festival tahun kedua, penganjur merancang mempamerkan sejumlah manuskrip al-Quran dan kitab karangan ulama Melayu termasuk motif, warna dan ragam hias naskhah-naskhah tersebut

beberapa minggu menjelang festival lepas.

Kuliah pertama beliau pada 1 Mei dibuat di kediaman rasmi menteri besar. Baba Ismail meneruskan pengajarannya secara talaqqi di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada Julai dan Oktober lalu.

Difahamkan Baba Ismail akan menyambung semula pengajian Ihya Ulumuddin dan kitab tauhid Mawaqif al-Marjan di masjid sama pada hujung April ini bagi menyemarakkan lagi penganjuran festival turath kali ini.

1 Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua, kanan) bersama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah (kanan) dan Pengetua Darul Musthafa di Yaman Al-Habib Umar Hafidz dalam majlis penutup Festival Turath Islami Selangor di Shah Alam pada 25 Mei 2023

2 Dr Osman (dua, kiri), Dr Muhammad Nur (empat, kiri) bersama Amirudin ketika perasmian Seminar Penghayatan Ihya Ulumuddin

3 Mufti Selangor Dato' Setia Dr Anhar Opir menghayati huraian Dr Said Aqil Siradj ketika seminar penghayatan di Hotel Concorde pada 22 Mei

4 Penuntut ilmu agama khususnya mendengar perbahasan kitab Imam al-Ghazali ketika majlis Daurah Afkar Ihya Ulumuddin pada 20 Mei

5 Amirudin bersama Dr Ali Jum'ah ketika Daurah Afkar Ihya Ulumuddin dan majlis perasmian di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 20 Mei

Hafiz gugup pimpin tarawih



Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **AHMAD ZAKKI JILAN**

Bermacam berlegar-legar di fikiran. Takut lupa bacaan. Bimbang bacaan sangkut-sangkut. Semuanya berkecamuk saat pertama kali memimpin solat tarawih di khalayak umum.

Perasaan gementar makin memuncak sebaik sahaja Mohamad Azid Zafri Mohd Zuhir, 16, menjejak kaki ke surau Pangsapuri Semarak Setia Alam.

Namun, pelajar Madrasatul Quran Darussalamah (MQDS), Setia Alam yang hafal 13 juzuk menguatkan hati, demi menunaikan amanah yang terpikul di bahunya.

“Sampai (ke surau) rasa gementar, rasa gugup. Dalam fikiran, asyik fikir sangkut (bacaan). Jadi, saya kena hadap semua itu,” katanya menjadi imam di situ selama 14 malam sepanjang Ramadan tahun ini secara bergilir dengan rakannya.

Bukan Azid sahaja berasa demikian. Rakan semadrasah Mohamad Nabil Fakhri Abdullah, 17, juga berdepan gejalak sama. Rasa kecamuk hanya reda sebaik berbuka puasa bersama jemaah sebelum menunaikan solat tarawih.

“Pada awal seram, gementar.

Tapi oleh kerana saya pernah menjadi imam di sekolah, jadi (perlahan-lahan) kurang sikit rasa gugup,” katanya yang hafal 20 juzuk al-Quran.

Semua itu pernah dilalui Afiq Muhammad Safwan Mohamad, 18, pada tahun lalu. Namun, kegugupan bukan lagi masalah besar apabila masuk tahun kedua memimpin solat orang lebih dewasa.

Sedia awal

“Pada masa awal jadi imam tu, rasa guguplah, sebab baca al-Quran depan ramai orang, satu surah penuh. Rasa gugup sikitlah, gugup (penyebab) buat kita rasa tak lancar (bacaan).

“Kerana kita hendak mencari pengalaman, kita kena hadap sahajalah. Bila sudah jadi imam tahun kedua, mulanya pun ada gugup jugalah tetapi sekarang dapat kawal,” katanya kepada Selangorkini pada 21 Mac.

Berdasarkan pengalaman menjadi imam sepanjang 27 malam Ramadan selama dua tahun berturut-turut, beliau percaya terlalu memikirkan bacaan tidak lancar antara punca rasa gugup memuncak.

“Jadi saya membuat persediaan lebih awal untuk jadi imam. Lancarkan bacaan elok-elok (sebelum itu), baru jadi imam. Alhamdulillah bolehlah,” katanya yang hafal 25 juzuk al-Quran.

Lain halnya dengan Mohamad Al-Falah Mohamad Huzaifah yang baharu berusia 12 tahun. Meski jauh lebih muda, beliau langsung tidak gemuruh apabila bertugas sebagai

imam tarawih.

“Lepas diumumkan jadi imam rasa terkejut. Bila jadi imam, rasa biasa-biasa sahaja,” kata pelajar yang hafal 11 juzuk al-Quran dan bergilir dengan rakan di Surau Baiduri di Setia Alam.

Menurut Pengetua MQDS Muhammad Amir Hadi Mohd Wahi, keempat-empat pelajar berkenaan antara 25 pilihan terbaik daripada 73 pelajar yang menyertai uji bakat untuk menjadi imam tarawih.

Pemilihan tersebut dijalankan bagi menyempurnakan penugasan meliputi 13 surau sekitar Setia Alam termasuk dua pelajar senior yang bertugas di Masjid At-Taqwa di Machang Kelantan.

“Uji bakat dibuat saya sendiri. Saya minta guru beri tumpuan kepada pengajaran di kelas. Saya senarai pendek 50 orang. Kemudian tapis lagi untuk mencari 25 pelajar terbaik,” katanya.

Pelajar tidak disyarat menghafal 30 juzuk untuk terpilih sebagai imam tetapi mereka sekurang-kurangnya perlu menghafal tiga juzuk dengan lancar dan sempurna.

Pelajar juga memiliki suara lunak dan mahir mengalun bacaan berlagu seperti tokoh imam di Makkah termasuk Imam Sudais serta berupaya membaca surah al-Fatihah dalam dua lagu berbeza.

“Ada intonasi berbeza kerana orang bersemangat solat tarawih



Mohamad Azid Zafri



Afiq Muhammad Safwan

sebab bacaan sedap didengar. Jadi pelajar perlu mahirkan bacaan. Ada kelainan daripada bacaan orang awam,” katanya.

Muhammad Amir juga tidak menggalakkan pelajarinya untuk membuka al-Quran sepanjang solat sunat itu berlangsung meskipun perbuatan sedemikian bukan suatu kesalahan.

Sebaliknya, beliau berusaha untuk memenuhi undangan surau yang mahu seseorang yang hafiz untuk mengimami tarawih. Jemputan sedemikian mula diterima MQDS sejak 2016 lagi.

Dalam menyediakan perkhidmatan tersebut, pentadbiran madrasah tidak pernah menetapkan sebarang ketetapan bayaran sebaliknya menyerahkan urusan berkenaan kepada pengurusan surau.

“Saya jelaskan hal itu kepada pengerusi surau. Saya hendak pelajar berkhidmat untuk ummah dan masyarakat. Saya mahu mereka memanfaatkan kebolehan bacaan al-Quran mereka. Itu paling penting.

“Kalau ada elaun dan sebagainya, itu bonus tetapi bukan keutamaan,” katanya sambil menambah pemberian sugu hati itu seratus peratus hak pelajar tanpa sedikitpun diambil pihak lain.

Muhammad Amir juga menjelaskan MQDS yang berdaftar bawah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) memberi kelebihan termasuk melayakkan pusat tahfiz itu menerima peruntukan dan sumbangan.

Bantuan tersebut meliputi kerja membaik pulih prasarana selain bantuan kewangan lain. Selain Jais, pusat tahfiz yang dinaungi Jais juga menerima bantuan daripada kerajaan persekutuan.

“Yang paling penting (daftar dengan Jais) soal keselamatan dan kewangan,” tegas beliau yang juga seorang hafiz sejak 2013.


Ramai penghafaz

Beliau yang sebelum ini mengaji di Jawa Timur, Indonesia dan Maahd Tahfiz Sungai Limau, Sabak Bernam juga memasang impian untuk melahirkan lebih ramai penghafaz al-Quran pada masa depan.

Justeru, pengurusan pusat tahfiz itu sepakat untuk membuka sebuah kompleks sekolah dan asrama di tanah seluas seekar di Kampung Batu Belah, Klang.

Pada masa ini, proses pemilikan tanah dan menukar status pertanian kepada pembangunan telahpun selesai, hanya menunggu kebenaran merancang daripada Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

“Pelan (bangunan) sudah siap, peguam kita ada.



Mohamad Nabil Fakhri

Cuma tunggu lampu hijau MBDK. Dari situ, kita akan bangun kompleks tahfiz. Saya harap tahun ini kita selesai proses dokumentasi.

“Tahun depan, kita boleh mula pembangunan sekolah tahfiz,” katanya yang menyasarkan pengambilan 300 pelajar apabila kompleks tahfiz itu siap terbina.

Pada masa ini, operasi MQDS meliputi empat rumah teres di Setia Alam yang boleh menampung maksimum 85 pelajar lelaki manakala 30 pelajar perempuan di Kampung Budiman, Meru.

MQDS menyediakan tiga saluran kepada penuntut untuk melanjutkan pengajian sama ada pengajian kitab (talaqqi) di pondok di Kelantan, Terengganu atau Sri Petaling, Kuala Lumpur.

Selain itu, pelajar juga boleh menyertai



Mohamad Al-Falah

pakej Fast Track Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM) hasil kerjasama Jais dan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (Pitas).



Ada intonasi berbeza kerana orang bersemangat solat tarawih sebab bacaan sedap didengar. Jadi pelajar perlu mahirkan bacaan. Ada kelainan daripada bacaan orang awam

MUHAMMAD AMIR HADI

Tarekat bawa Islam

Mana-mana teori tentang Islamisasi Nusantara Melayu perlu menjelaskan kenapa proses tersebut bermula pada masa dan ketika itu, bukan beberapa abad sebelum atau selepasnya.

Muslim dari negeri asing mungkin sudah menetap di pelabuhan-pelabuhan dagang di Sumatera dan Jawa selama beberapa abad, tetapi hanya pada akhir abad ke-13 kita menemui adanya jejak-jejak orang Islam peribumi.

Bukti pertama bermula dari pantai utara Sumatera, di mana beberapa kerajaan Muslim yang sangat kecil—atau lebih tepat negara pelabuhan—muncul, iaitu kerajaan Perlak dan kerajaan kembar Samudera dan Pasai.

Sepanjang abad ke-14 dan ke-15, Islam beransur-ansur tersebar melampaui pantai Sumatera dan Malaya ke pantai utara pulau Jawa dan beberapa pulau pengeluar rempah-ratus di Indonesia Timur.

Cara perpindahan agama ini berlangsung tidak dicatat dengan baik sehingga menimbulkan perdebatan sengit. Proses tersebut tidak mungkin berjalan menurut pola yang seragam di seluruh Nusantara.

Perdagangan dan pakatan politik antara pedagang dan raja pastinya memainkan peranan, selain perkahwinan antara pedagang Muslim yang kaya dengan puteri bangsawan setempat.

Di beberapa wilayah, seperti yang diceritakan banyak sumber setempat, Islam juga telah disebarkan dengan menggunakan pedang.

Bagaimanapun secara umumnya proses pengislaman berlangsung secara damai. Ada anggapan umum bahawa tasawuf dan pelbagai tarekat telah memainkan peranan yang amat penting dalam proses tersebut.

Untuk beberapa abad pertama, pengislaman Asia Tenggara berjalan serentak dengan waktu tersebarnya tasawuf abad pertengahan dan pertumbuhan tarekat.

Abu Hamid al-Ghazali, tokoh yang telah menghuraikan konsep moderat tasawuf akhlaqi yang dapat diterima kalangan fuqaha, wafat pada tahun 1111.

Ibn al-'Arabi, yang karyanya mempengaruhi ajaran hampir semua sufi yang muncul terkemudian, wafat pada tahun 1240.

Abdul Qadir al-Jilani, yang ajarannya menjadi dasar tarekat Qadiriah, wafat pada tahun 1166. Abul Hasan al-Syazili, sufi Afrika Utara yang mengasaskan tarekat Syaziliah, wafat pada tahun 1258.

Amalan sufi

Islam yang diajarkan kepada generasi pertama Asia Tenggara yang memeluk agama tersebut barangkali sangat diwarnai pelbagai ajaran dan amalan sufi.

Para sejarawan berpandangan perkara inilah yang menarik minat masyarakat Asia Tenggara kepada Islam. Dengan kata lain, perkembangan



tasawuf merupakan salah satu faktor yang membolehkan proses pengislaman berlangsung di Asia Tenggara.

Ajaran kosmologi dan metafizik tasawuf Ibn al-'Arabi dengan mudah dipadukan dengan gagasan sufistik India dan sufistik pribumi yang dianuti masyarakat setempat.

Seperti yang dinyatakan A.C. Milner, konsep insan kamil amat berpotensi untuk digunakan sebagai pengabsah keagamaan bagi para raja, keabsahan yang tidak ditemukan dalam Islam yang berkembang pada zaman sebelum itu yang lebih bersemangat kesetaraan.

Di kesultanan Buton (Sulawesi Tenggara) yang sangat kecil, ajaran sufi tentang tajalli ilahiah menerusi tujuh tingkat ("martabat tujuh") dimanfaatkan untuk menjelaskan bentuk masyarakat yang berlapis, yang terdiri daripada tujuh lapisan sosial yang menyerupai kasta.

Ilmuwan Australia Anthony Johns berpandangan pengislaman di rantau itu dapat berjalan kerana giatnya dakwah yang digerakkan para sufi yang datang bersama pedagang luar.

Para penyebar Islam bercorak sufi ini memang disebut dalam banyak laporan peribumi.

Johns bahkan mengajukan spekulasi bahawa ada hubungan yang erat antara kesatuan sekerja (guild), tarekat-tarekat sufi, dan para penyebar Islam ini yang membentuk daya pendorong kepada proses pengislaman.

Sesetengah pihak mungkin melihat hipotesis

ini sebagai sesuatu yang menarik, namun tiada bukti yang menyokongnya.

Amat disangsikan bahawa perdagangan muslim asing di Asia Tenggara pernah tersusun dalam bentuk yang sama dengan kesatuan sekerja, manakala sumber-sumber paling awal yang menyebut tentang tarekat bermula pada akhir abad ke-16.

Keramat

Islam Indonesia hingga kini masih diliputi sikap sufistik dan minat terhadap hal-hal yang mengandungi keramat.

Di samping sejumlah tarekat tempatan dan pelbagai aliran tasawuf sinkretik, beberapa tarekat antarabangsa yang besar meraih banyak pengikut setiasabahagiannya sampai ratusan ribu orang.

Abad lalu menyaksikan banyak usaha kaum pembaharu untuk membersihkan Islam daripada pelbagai sisi sufistik dan magisnya, dan sebahagian usaha itu memang berjaya.

Memang menarik untuk menggunakan kecenderungan masa kini bagi 'membaca' zaman lalu dan maka menganggap Islam tersebar ke Indonesia dengan pakaian sufi, selain untuk mendakwa kecenderungan mistik di zaman awal Islam di Nusantara lebih kuat berbanding zaman selepasnya, dan hanya mutakhir ini muncul pendekatan "ketat" yang mempunyai kaitan dengan kajian fekah.

Kita tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya. Tiada sumber pribumi yang lebih tua daripada beberapa sumber pada akhir abad ke-16 yang masih terpelihara pada zaman kemudian.

Sumber asing kontemporari pula tidak memberikan sebarang keterangan tentang persoalan tersebut.

Dua pengamatan ini sewajarnya mendorong kita untuk lebih berhati-hati dalam membuat kesimpulan bahawa tarekat memainkan peranan amat penting sewaktu gelombang pengislaman yang pertama.

Di antara manuskrip Islam paling tua dari Jawa dan Sumatera yang masih terpelihara sampai sekarang (dibawa ke Eropah sekitar tahun 1600), kita bukan sekadar menemui risalah tasawuf dan kisah penuh keajaiban dari Parsi dan India, tetapi juga kitab ilmu fekah baku.

Risalah-risalah keagamaan berbahasa Jawa paling tua yang masih ada sampai sekarang menunjukkan seperti pernah ada usaha untuk mencari keseimbangan antara ajaran ketuhanan, fekah dan tasawuf.

Hanya dalam tulisan Jawa pada zaman terkemudian kita mengetahui wujudnya ajaran-ajaran tasawuf yang jauh lebih kental. Berkenaan tarekat pula, tampaknya ia tidak memperoleh banyak pengikut sebelum akhir abad ke-18 dan abad ke-19.

Petikan muka surat 181-184 buku Islam Di Nusantara: Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat tulisan Martin van Bruinessen. Ia boleh dibeli melalui bukuiibde.com atau Facebook Buku IBDE.



KERJASAMA... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan 2024 dan Penyampaian Sumbangan Rahmah Parlimen Tambun di Ipoh, Perak pada 25 Mac. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Prestasi eksport meningkat 8.7 peratus

Ekonomi tumbuh lima peratus

SHAH ALAM - Asas ekonomi negara terus kukuh manakala tinjauan untuk tahun ini positif dan meyakinkan berbanding suasana tahun lalu berdasarkan laporan Bank Negara Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan situasi ekonomi dijangka bertambah baik ekoran unjuran pertumbuhan antara empat dan lima peratus pada tahun ini, lapor Bernama.

"Kita mencapai Keluaran Dalam Negara Kasar tahun 2023 sebanyak 3.7 peratus walaupun berdepan pelbagai asakan dan kemeruapan ekonomi global," katanya yang juga menteri kewangan.

Beliau berucap dalam Perhimpunan Bersama Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya pada 21 Mac.

Anwar berkata faktor yang menyokong prestasi lebih baik antaranya kadar pengangguran turun ke paras 3.3 peratus pada Januari, kembali kepada paras prapandemik iaitu 3.7 peratus pada 2022.

Beliau menambah kadar inflasi pula merendah apabila ia turun kepada 1.6 peratus pada suku keempat 2023 berbanding dua peratus pada suku ketiga pada tahun sama.

Katanya, prestasi eksport juga menunjukkan tanda pemulihan pada Januari apabila meningkat 8.7 peratus

selepas menguncup 10 bulan sebelumnya antara Mac hingga Disember 2023.

"Pada 2023, kita meraih pelaburan diluluskan RM329.5 bilion iaitu pencapaian tertinggi dalam sejarah negara," kata beliau lagi.

Anwar memberitahu Malaysia juga menarik potensi pelaburan asing RM76.1 bilion setakat Mac hasil kejayaan misi perdagangan dan pelaburan negara di Australia, Jerman dan Perancis.

Sambil menyifatkan sambutan negara-negara tersebut luar biasa, beliau percaya kejayaan tersebut permulaan baharu untuk Malaysia yang bakal berubah dalam beberapa tahun lagi.

Kenaikan tidak libat barangan asas

SHAH ALAM - Perubahan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada enam kepada lapan peratus mulai 1 Mac tidak melibatkan keperluan asas rakyat, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang Dewan Rakyat menjelaskan kenaikan tersebut hanya tertumpu kepada kegiatan berkaitan perkhidmatan kemahuan (discretionary).

"(Perbelanjaan) Makanan, minuman serta telekomunikasi tidak dinaikkan, kekal enam peratus.

"Perbelanjaan utiliti seperti air dan petrol juga tidak dikenakan cukai perkhidmatan atau jualan. Ini harus jelas kerana banyak kekeliruan," katanya pada 26 Mac.

Mengakui perubahan dasar cukai tersebut memberi kesan kepada

kadar inflasi, menteri kewangan itu berkata kenaikan cuma 0.2 peratus berbanding jangkaan kutipan hasil RM3 bilion.

Beliau menambah skop kenaan cukai tersebut juga kecil iaitu sekitar 41 peratus berbanding bilangan perkhidmatan yang terkandung dalam ekonomi dengan pemberian banyak pengecualian.

Operasi trafik 8 hingga 12 April

SHAH ALAM - Polis mengadakan Op Selamat 22 sempena perayaan Aidilfitri antara 8 hingga 13 April bagi memastikan kelancaran lalu lintas pengguna jalan raya pulang ke kampung halaman.

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri menjelaskan operasi tersebut akan dilancarkan pada 5 April, lapor Bernama.

Beliau menambah pihaknya juga bekerjasama dengan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti untuk memastikan rumah dan premis yang ditinggalkan berada dalam keadaan selamat.

Mohd Azman turut memberitahu seramai 200 anggota trafik bertugas meliputi 140 lokasi yang dikenal pasti kerap berlaku kesesakan jalan raya di ibu kota sepanjang sambutan Ramadan.

Hantar 100 kontena untuk Palestin

SHAH ALAM - Malaysia menghantar 100 kontena memuatkan 1,358 tan barangan sumbangan kemanusiaan keenam ke Gaza bagi membela nasib penduduk Palestin yang dizalimi regim Israel.

Menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menghubungi Presiden Mesir Abdel Fattah El-Sisi bagi memudahkan proses penghantaran.

Bantuan termasuk tepung gandum, makanan, barangan ibu dan bayi bernilai RM12 juta hasil dana enam badan bukan kerajaan diketuai Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia, lapor Bernama.

Sumbangan itu hasil kerjasama Cinta Gaza Malaysia, Iman Care Malaysia, Pertubuhan Glokal Ihsan Malaysia, Persekutuan Persatuan Islam New Zealand dan Yayasan Al-Khair dari United Kingdom.

Tidak lulus filem promosi LGBT

SHAH ALAM - Lembaga Penapisan Filem (LPF) tidak akan sesekali meluluskan sebarang tayangan filem yang mempromosi gaya hidup lesbian, gay, bisexual, transgender (LGBT).

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menegaskan tiada kompromi terhadap mana-mana karya berunsur komunisme, Islamofobia, bertentangan ajaran Islam, lapor Bernama.

Mengakui filem elemen tersebut kian banyak beberapa pada tahun kebelakangan ini, beliau berkata Malaysia tidak pernah mendaftarkan sebarang konvensyen antarabangsa berkaitan LGBT.

"Di satu sisi, LPF dilihat rigid, dianggap gunting yang menyekat kreativiti penggiat filem tetapi LPF imbangi dan pertahan nilai yang menjadi pegangan masyarakat tempatan," katanya.

Sekolah dibuka Januari mulai 2026

SHAH ALAM - Sesi akademik persekolahan yang ketika ini bermula setiap Mac pada setiap tahun sejak 2020 akan dikembalikan pada Januari mulai 2026, kata Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek.

Menjawab soalan tambahan Senator Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh mengenai sesi pembukaan sekolah pada masa depan, beliau berkata ia tidak lagi bermula pada Mac seperti ketika ini.

"Ini komitmen penting untuk kembalikan sesi akademik. Insya-Allah pada Januari 2026," katanya menjawab soalan tambahan Senator Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh di Parlimen pada 21 Mac.

Kalendar akademik terpaksa diubah kepada Mac sejak 2022 berikutan pandemik Covid-19. Namun, usaha dibuat bagi menyusun sesi persekolahan supaya diadakan antara Januari hingga Disember.

Dalam sesi soal jawab berasingan, Fadhlina memberitahu Kementerian giat berusaha menjayakan cadangan melanjutkan dasar pendidikan wajib sehingga ke peringkat sekolah menengah.

Katanya, cadangan itu akan dibenteng kepada jemaah menteri bagi mendapatkan kelulusan dasar sebelum draf rang undang-undang pendidikan digubal.

RM210 juta untuk miskin tegar

SHAH ALAM - Kerajaan membelanjakan RM210 juta setakat ini bagi menayakan program bantuan Sumbangan Asas Rahmah (Sara) untuk disalurkan kepada golongan miskin dan miskin tegar.

Timbalan menteri kewangan berkata nilai bantuan isi rumah meningkat sekali ganda daripada RM600 kepada RM1,200 manakala bujang kekal RM600 demi memperbaiki taraf hidup mereka.

"Penggunaan kredit program ini turut diperluas daripada makanan asas kepada tiga kategori tambahan iaitu

kebersihan diri, ubat-ubatan dan alatan sekolah," kata Lim Hui Ying.

Menjawab soalan wakil rakyat Jeli Zahari Kechik dalam sidang Dewan Rakyat, beliau berkata RM700 juta diperuntuk bagi pelaksanaan program itu untuk manfaat 700,000 orang.

Beliau menjelaskan angka berkenaan meningkat lebih lima kali ganda berbanding RM130 juta untuk 210,000 penerima tahun lalu bagi memastikan kelangsungan program subsidi bersasar itu.

Bantuan diagih berperingkat secara kredit dan tunai mulai 22 Januari bagi penerima dari Semenanjung, manakala Sabah, Sarawak dan Labuan 19 Februari.

Bagi penerima di Semenanjung, bantuan disalurkan secara bulanan iaitu RM100 untuk isi rumah dan warga emas tiada pasangan dan RM50 sebulan untuk bujang.

Penerima di Sabah, Sarawak dan Labuan pula menerima bantuan dua kali setahun iaitu RM600 (isi rumah dan warga emas tiada pasangan), manakala RM300 (bujang).

Dituduh lukakan perasaan orang Islam

Pengasas KK Mart, pengedar didakwa

SHAH ALAM - Pengerusi eksekutif Kumpulan KK Supermart & Superstore Sdn Bhd didakwa atas tuduhan melukakan perasaan orang Islam berikutan penjualan stoking tertera kalimah Allah.

Datuk Seri Dr Chai Kee Kan, 57, pengasas kumpulan itu, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada 26 Mac bersama isterinya Datin Seri Loh Siew Mui, 53, yang juga pengarah syarikat.

Mereka mengaku tidak bersalah atas tuduhan bawah Seksyen

Tiga pengarah syarikat pengedar Xin Jian Chang Sdn Bhd pula didakwa kerana bersubahat melukakan perasaan orang Islam dalam isu berkaitan pada masa, tempat dan tarikh sama.

Bagaimanapun, Soh Chin Huat, 61, dan Goh Li Huay, 62, serta anak perempuan mereka Soh Hui San, 36, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan tersebut.

Mereka didakwa bawah Seksyen 109 yang dibaca bersama Seksyen 298 Kanun Keseksan yang memperuntuk hukuman penjara maksimum satu tahun atau denda atau kedua-duanya jika disabitkan.

KK Super Mart & Superstore Sdn Bhd dituduh sengaja melukakan perasaan agama orang Islam dengan mempamer stoking bercetak kalimah Allah di rak yang dilihat lelaki berusia 32 tahun.

Mereka didakwa melakukan kesalahan berkenaan di KK Supermart & Superstore Sdn Bhd, Bandar Sunway jam 6.30 pagi pada 13 Mac.

Sebelum ini, rakaman dan tangkapan layar gambar stoking tertera kalimah Allah yang didakwa dijual di sebuah kedai rangkaian serbaneka tular hingga menimbulkan kemarahan umat Islam.

Pada 16 Mac, pengendali kedai rangkaian serbaneka berkenaan memohon maaf susulan rakaman penjualan stoking tersebut di cawangan Bandar Sunway, Petaling Jaya.

Elak strok haba

SHAH ALAM - Orang ramai dinasihatkan mengambil makanan mengandungi karbohidrat kompleks bagi mengelak terkena strok haba sepanjang menjalani ibadah puasa berikutan fenomena El Nino.

Pensyarah kanan perubatan Jabatan Kesihatan Komuniti berkata makanan sedemikian termasuk kurma menjadikan tempoh kenyang lebih lama berbanding gula putih, lapor Bernama.

"Pemakanan mengandungi gula putih baik untuk tenaga

tetapi satu dua jam selepas sahur, tenaga berkurangan akibat proses penguraian yang pantas," kata Dr Suhainizam Muhamad Saliluddin.

Beliau dalam program terbitan Bernama TV menambah strok haba berpunca kepanasan malam-pau yang menyebabkan suhu badan naik, degupan jantung laju, sakit kepala dan kelesuan.

Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan fenomena El Nino mulai pertengahan tahun lalu boleh berterusan sehingga pertengahan tahun ini.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

| PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN | NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK | TARAF | SYARAT PENDAFTARAN | TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL | HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA | TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP |
|--|---|------------|--|--|--|--|
| Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor | JPS/N/SEL/ PK/6/2024 PEROLEHAN PERKHIDMATAN SEWAAN (SEWA GUNA) MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYENGGARA KOMPUTER PERIBADI DI 11 PEJABAT JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR BAGI TEMPOH (3) TAHUN BERMULA PADA TAHUN 2024 HINGGA 2027 | Bumiputera | Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang: 210101 ICT > BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BAGI SEKTOR TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI > PERALATAN DAN KELENGKAPAN KOMPUTER, PERKAKASAN DAN KOMPONEN > HARDWARE (LOW END TECHNOLOGY) — SUPPLY ALL TYPES OF COMPUTER HARDWARE INCLUDING PC, NOTEBOOK, PRINTER, DOCUMENT SCANNER, PERIPHERAL, AND MAINTENANCES 210109 ICT > BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BAGI SEKTOR TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI > PERALATAN DAN KELENGKAPAN KOMPUTER, PERKAKASAN DAN KOMPONEN > HARDWARE AND SOFTWARE LEASING / RENTING Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) | Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/ . Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. 8th APRIL 2024 hingga 30th APRIL 2024 | RM 100.00 Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online) | Peti Tender. Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor 2th MEI 2024 (KHAMIS) Jam 12.00 tengahari |

Taklimat adalah **DIWAJIBKAN** pada **4th APRIL 2024 (KHAMIS)** Masa: **10.00 pagi**.
Tempat Berkumpul: **Bilik Mesyuarat Cempaka, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor**, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKU atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akaan pendaftaran syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, BPKU, PUKONSA atau Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender. Sila patuhi **SOP** yang telah ditetapkan semasa proses pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PPK** jika berkenaan dan satu **SALINAN** bagi siji-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.



LESTARI... Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang Dato' Abd Hamid Hussain (tengah) mengimbas kod QR ketika melancarkan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Automatik (ADTRec) di Pusat Kitar Semula Cyberjaya, Sepang pada 25 Mac. Turut hadir Pengarah Urusan KDEB Waste Management Dato' Ramli Mohd Tahir (kanan). Foto REMY ARIFIN

Lebih makanan bernilai RM14,448

Kumpul 110kg minyak terpakai

Oleh **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Sebanyak 110 kilogram (kg) minyak masak terpakai dikutip dari empat bazar Ramadan dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) setakat 18 Mac.

Menurut Bahagian Komunikasi Korporatnya, kutipan tertinggi dicatat di Bandar Kinrara iaitu 28kg diikuti USJ 4 (29kg), Taman Puncak Jalil (26kg) dan Taman Puchong Prima (17kg).

Mengikut MBSJ, program bertema

Kumpul, Jana Dan Dapatkan Wang Tunai dengan kerjasama Petronas Dagangan Berhad diadakan sepanjang bazar beroperasi pada Sabtu mulai 5 petang hingga 7 malam.

"Peniaga yang mengambil bahagian diberi bayaran wang tunai RM3 per kg serta diberi 'Jerry Can' percuma untuk setiap kutipan minimum 10kg sementara stok masih ada," kata kenyataan pada 21 Mac.

Petronas menawarkan pertukaran tong gas percuma kepada peniaga pada Isnin, Khamis dan Sabtu dalam

program berkenaan. Tong kitar semula minyak masak juga disediakan di tujuh bazar.

Bazar berkenaan antaranya USJ 7, Dataran Puchong Permai, Taman Puchong Indah, Taman Puchong Utama, Bandar Bukit Puchong, Taman Seri Serdang dan Taman Equine.

MBSJ juga memberitahu sebanyak 602kg lebih makanan dianggar bernilai RM14,448 dikumpul setakat 16 Mac melalui program hasil kerjasama badan bukan kerajaan What A Waste (WaW).

RM12,500 sumbangan Aidilfitri

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyalurkan bantuan Aidilfitri kepada 50 penerima dengan peruntukan berjumlah RM12,500.

Datuk Bandarnya Ir Cheremi Tarman berkata semua penerima mendapat hamper barangan keperluan raya dan wang tunai RM100.

"Penerima sumbangan terdiri dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40), warga emas, ibu tunggal,

miskin bandar dan orang kurang upaya (OKU).

"Program ini bertujuan meringankan beban mereka sekali gus memberi peluang dan keceriaan golongan ini dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri," katanya.

Beliau menyempurnakan Program Sumbangan Prihatin MBSA sempena Hari Raya Aidilfitri 2024 di Dewan MBSA Kiambang, Seksyen 7 di sini pada 26 Mac.

Sementara itu, Jumariah Yakob, 60,

bersyukur dengan bantuan itu yang sedikit sebanyak meringankan bebannya membeli kelengkapan raya.

"Alhamdulillah, syukur dapat bantuan ini sekurang-kurangnya kami sekeluarga dapat jimatkan perbelanjaan membeli barangan dapur," katanya.

Muhammad Asyhruff Ishak, 31, yang baharu kali pertama terima bantuan daripada MBSA amat terharu dan berharap ia diteruskan pada masa akan datang.

Tempah kutipan pukat di i-Clean

SHAH ALAM - KDEB Waste Management menawarkan khidmat kutipan sampah pukat sempena perayaan Aidilfitri yang boleh ditempah menerusi aplikasi i-Clean.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir menjelaskan orang ramai yang memerlukan perkhidmatan tersebut hanya perlu mendaftar berikutan permintaan tinggi pada setiap tahun.

"Tahun lepas di Subang Jaya sahaja, kita terima lebih 1,000 permintaan dan tahun ini, kita akan buat perkara sama tetapi saya nasihatkan jangan daftar saat akhir," katanya pada 21 Mac.

i-Clean Selangor yang boleh dimuat turun di Google Play dan App Store memudahkan orang ramai melapor aduan kutipan sisa pepejal selain memohon khidmat pembuangan sampah pukat.

RM57,200 buat anak yatim, rumah ibadat

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menyumbang sebanyak RM57,200 kepada masjid, surau dan rumah anak yatim serta kebajikan sempena Ramadan.

Yang dipertuanya memberitahu agihan dalam program Kongsi Rezeki membabitkan 54 rumah ibadat dan lapan rumah kebajikan serta anak-anak yatim di kawasan pentadbirannya.

"Sebanyak RM1,000 disumbangkan kepada setiap penerima dan MPAJ turut menyampaikan sumbangan keperluan harian asas kepada rumah anak yatim dan kebajikan.

"MPAJ turut merai 160 anak yatim dengan sumbangan duit raya dengan jumlah keseluruhan RM3,200," kata Dr Ani Ahmad menerusi kenyataan pada 22 Mac.

Pihaknya turut mengedar bubur lambuk kepada orang ramai sepanjang bulan ini.

Mangkuk tingkat kurang beg plastik

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selangor mengedar 200 mangkuk tingkat kepada pengunjung Bazar Ramadan Bandar Rawang pada 20 Mac.

Menurut kenyataan Bahagian Perhubungan Awamnya, agihan bekas makanan berkenaan sebahagian usaha mendidik orang ramai supaya mengurangkan penggunaan beg plastik di bazar Ramadan.

"Tujuan program ini diadakan sebagai simbolik kepada pengunjung untuk mengurangkan penggunaan beg plastik di bazar Ramadan.

"Program ini memberi kesedaran dan menggalakkan peniaga untuk tidak menggunakan beg plastik bagi membungkus makanan manakala pengunjung digalakkan membawa bekas makanan sendiri," katanya.

Bantu asnaf miliki rumah pertama

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan bayaran RM532,794.90 kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi membeli 10 unit rumah kos rendah.

Menurut LZS di Facebook, kediaman di Pangsapuri Desa Lembah Permai itu ditawarkan pihak berkuasa tempatan tersebut kepada golongan asnaf fakir miskin.

"Semoga bantuan yang diberi kepada asnaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Terima kasih kepada pembayar zakat yang menyempurnakan hasrat mereka untuk memiliki rumah pertama," kata kenyataan.

Majlis penyerahan cek cura disempurnakan Yang Dipertua MPAJ Dr Ani Ahmad bersama Timbalan Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS Md Yusmizan Yusuf pada 13 Mac.

Teruskan tradisi edar bubur lambuk

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Selangor dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad bergandingan meneruskan tradisi memasak bubur lambuk.

Pengarah urusan KDEBWM berkata gotong-royong memabatkan 100 kakitangan daripada ketiga-tiga agensi membolehkan 1,400 pek bubur lambuk diedar kepada orang ramai sempena Ramadan.

"Kita edar kepada kakitangan agensi terlibat termasuk anak syarikat Kerajaan Negeri yang berada sekitar sini dan orang awam yang melalui pekarangan Plaza Perangsang.

"Tujuan kita meneruskan tradisi ini untuk berkongsi rezeki dengan semua selain menggalakkan sedekah pada bulan Ramadan yang mulia ini," kata Dato' Ramli Mohd Tahir pada 21 Mac.

Kelengkapan raya untuk anak yatim

SHAH ALAM - Seramai 60 anak yatim dan asnaf dari Pusat Jagaan Baitul Hidayah, Puchong dirai Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan pembelian kelengkapan Aidilfitri pada 22 Mac.

Setiap individu menerima RM250 bagi membeli keperluan di pusat beli-belah Mydin, Subang Jaya dan duit raya RM50 selain produk makanan sumbangan Mamee Double Decker (M) Sdn Bhd.

"Program ini inisiatif MBSJ dalam melaksanakan tanggungjawab mukmin ke atas golongan memerlukan bagi persediaan menyambut Syawal," kata kenyataan Bahagian Komunikasi Korporat MBSJ.

Program berkenaan juga bertujuan menayakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu Tiada Kemiskinan (SDG1), Kelaparan Sifar (SDG2) dan Bandar dan Masyarakat Mampan (SDG11).

RM50,000 buat keselesaan pelajar

SHAH ALAM - Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Keramat (SEMAT), Hulu Kelang menerima peruntukan lebih RM50,000 daripada pelbagai pihak demi keselesaan pelajarinya.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Dato' Zainol Abidin Mohamed berkata bantuan itu antaranya sumbangan kerajaan persekutuan RM15,000 manakala Kerajaan Negeri (RM15,000).

Beliau menjelaskan sumbangan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim diterima awal Mac bagi membaiki bilik kaunseling manakala bantuan Kerajaan Selangor pada akhir tahun lalu.

"Sepanjang tahun lalu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menghulur pelbagai sumbangan demi pembangunan pelajar. PIBG turut menerima dana RM1,000," katanya pada 24 Mac.

Beliau memberitahu Pengetua Noraini Ibrahim juga memaklumkan sumbangan RM20,000 daripada persatuan alumni bertujuan menjalankan kerja mengecat dan menceriakan kawasan sekolah.

Pada 15 Mac, SEMAT dikunjungi juara bertahan Grand Prix Formula Satu Lewis Hamilton yang menayakan program Jalinan Petronas Petrosains sempena ulang tahun ke-50 syarikat tersebut.

Sebar luas kempen kesedaran

Sasar RM2 juta kutipan infak

Oleh **SOFIA NASIR**

HULU SELANGOR - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) menyasar kutipan Kupon Infaq Yatim RM2 juta sepanjang Ramadan tahun ini berbanding RM1.2 juta yang dikutip sepanjang tahun lalu.

Pengerusinya Tan Sri Mazlan Mansor memberitahu pihaknya bersyukur berikutan pungutan kupon tersebut pada 2023 memberangsangkan meskipun sasaran sebenar adalah

RM1.5 juta.

"Tahun ini, kita sasar RM2 juta pula. Kita yakin dapat lebih atau mencapai sasaran," katanya dalam majlis sumbangan Aidilfitri di Masjid Nurul Iman, Serendah di sini pada 23 Mac.

Dalam majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah turut berkenan menyampaikan sumbangan raya RM73,050 kepada 487 anak-anak yatim di daerah ini.

Baginda juga berkenan menyam-

paikan watakah lantikan kepada tiga Ketua Sahabat Prihatin Yide bagi Hulu Selangor yang berperanan mengenal pasti anak yatim baharu untuk disantuni.

Mazlan menambah kupon infak bernilai RM2 setiap satu yang diletak bersebelahan amil kutipan zakat mendapat sambutan baik di seluruh masjid di negeri ini.

"Sambutan yang kita terima amat baik. Namun, mungkin masih ada yang belum tahu mengenai kupon infak ini. Saya harap ia dapat disebar luas pada Ramadan ini," katanya.

Salur RM1 juta dana pendidikan

SHAH ALAM - Yayasan Selangor menyalur peruntukan pendidikan RM990,000 untuk menaja seramai 62 pelajar kurang berkemampuan bagi sesi persekolahan 2024/2025.

Agensi itu memaklumkan tajaan program BITARA Yayasan Selangor meliputi 55 pelajar di beberapa Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) terpilih menerusi Program Budi Yayasan Selangor.

"Selain itu, (tajaan) tujuh pelajar di Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM). Mereka terdiri daripada golongan

B40 dengan pendapatan perkapita keluarga kurang daripada RM2,000 sebulan.

"Penajaan meliputi yuran persekolahan, penginapan dan makanan, pengajian, wang saku serta peranti," kata kenyataan pada 22 Mac.

Menurut yayasan itu, penempatan pelajar terpilih di KYSM dan MRSM memberi peluang kepada mereka meneruskan pembelajaran dengan persekitaran dan prasarana lengkap lagi selesai.

"Program BITARA yang dilak-

sanakan sejak 2021 dengan kerjasama KYSM dan MARA bermatlamat melahirkan pelajar global, cemerlang dan kompetitif.

"Ia bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan bertaraf dunia sekaligus menyumbang tenaga kerja berprestasi tinggi," katanya.

Program BITARA Yayasan Selangor menaja pelajar kelahiran Selangor meliputi 12 MRSM terpilih bermula tingkatan satu hingga lima manakala KYSM mulai tingkatan empat hingga lima.

Belanja barang raya 60 kanak-kanak

SHAH ALAM - Seramai 60 anak daripada golongan memerlukan menerima sumbangan raya daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), kata Datuk Bandar Shah Alam Ir Cheremi Tarman.

Beliau berkata pemberian bernilai RM200 turut ditaja Butik Amar Amran yang menyumbang kelengkapan tambahan bagi menceriakan sambutan Aidilfitri.

"Inisiatif ini juga mempromosi kese-

lahan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat untuk membantu mereka yang lebih memerlukan.

"Ini sebahagian elemen Matlamat Pembangunan (SDG) iaitu Tiada Kemiskinan (SDG1) dan Bandar dan Komuniti Mampan (SDG11)," katanya dalam program Jom Beli Baju Raya MBSA pada 19 Mac.

Penerima sumbangan terdiri daripada kanak-kanak berusia enam hingga 17 tahun dari kalangan keluarga berpendapatan rendah, fakir miskin dan orang kurang upaya.

Pemilik butik Amar Amran pula berterima kasih kepada MBSA kerana memberi peluang kepadanya untuk menyantuni golongan memerlukan.





MESRA... Pemain import Selangor FC bersama peminat dalam Majlis Pelancaran Jersi Away 2024/25 di Pusat Latihan Persatuan Bola Sepak Selangor, Shah Alam pada 23 Mac. Foto Facebook Selangor FC

Guna VAR dalam Liga Super

Tambahan masa lebih panjang

SHAH ALAM - Liga Bolasepak Malaysia (MFL) menasihatkan semua penyokong untuk bertenang menonton perlawanan Liga Super yang mungkin berlangsung lebih panjang selepas Video Bantuan Pengadil (VAR) digunakan musim ini.

Presidennya Datuk Ab Ghani Hassan berkata sistem berkenaan akan menyebabkan tambahan masa sehingga 15 minit atau lebih bergantung pada situasi perlawanan seperti yang berlaku dalam Piala Asia di Qatar awal tahun ini.

"Mungkin tidak akan ada tambahan masa sehingga setengah jam. Dalam

perlawanan Piala Asia lalu, kita dapat menyaksikan terdapat tambahan masa sehingga 15 minit akan berlaku.

"Kita perlu mendidik penyokong dengan masalah ini kerana sebelum ini ada perkara berbangkit yang mempersoalkan kenapa pengadil memberi masa tambahan terlalu lama," katanya seperti dilapor Harian Metro pada 24 Mac.

Teknologi VAR bakal digunakan kali pertama dalam perlawanan Piala Sumbangsih antara Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Selangor di Stadium Sultan Ibrahim pada 10 Mei.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Eksekutif MFL Datuk Stuart Ramalingam menjelaskan pihaknya berusaha keras untuk memastikan semua perlawanan musim ini menggunakan teknologi VAR.

Sementara itu, Ab Ghani mengesahkan semua stadium perlawanan Liga Super akan menggunakan teknologi berkenaan tanpa sebarang masalah.

"VAR ini bukan susah pun untuk pasang kerana kita menggunakan kenderaan bergerak menyebabkan teknologi itu tiada masalah untuk digunakan," katanya.

Rifdean intai kontrak lumayan

SHAH ALAM - Seorang lagi jaguh Muay Thai negara menasahkan kontrak lumayan ONE Championship bernilai AS\$100,000 (RM473,000) dan tali pinggang kejuaraan selepas penampilan menakjubkan pada 22 Mac.

Mohammad Rifdean Masdor, 21, hanya memerlukan 78 saat untuk menundukkan Pichai Lookbanmai dengan pukulan Technical Knockout (TKO) dalam pertarungan ONE Friday Fights 56 di Bangkok, Thailand.



Beliau yang mewakili Sor Sommai berpangkalan di Bangkok itu turut membawa pulang bonus THB350,000 (RM45,600), lapor Bernama.

"Saya sangat gembira dengan penampilan sulung di ONE Championship. Saya berasa lega. Kemenangan ini pasti akan meningkatkan keyakinan saya dalam pertarungan akan datang," katanya yang menggandakan latihan sebelum penampilan sulung.

Sementara itu, Jurulatihnya Bernard Radin berkata Mohammad Rif-

dean mempamer kemahiran dan keazaman tinggi dalam penampilan sulungnya dengan memenuhi pelan permainan mereka untuk kemenangan TKO pada pusingan pertama.

"Saya yakin Rifdean boleh dapat bukan sahaja kontrak ONE Championship tapi juga tali pinggang ONE Championship... saya yakin tidak lama lagi," katanya.

Bernard berkata anak didiknya itu perlu memperoleh tiga kemenangan berturut-turut dalam ONE Championship bagi membolehkannya mendapatkan kontrak itu.

Kekalahan sukarkan Harimau Malaya

SHAH ALAM - Ketua jurulatih Harimau Malaya memohon maaf kepada seluruh penyokong susulan kekalahan kedua berturut-turut 0-2 kepada Oman dalam kelayakan Piala Asia 2026/Piala Asia 2027.

"Saya sebagai ketua, sebagai jurulatih, mohon maaf kepada rakyat Malaysia kerana kami tidak dapat beri anda kebanggaan, maksud saya keputusan yang lebih baik.

"Kami hargai usaha penyokong yang datang menyokong pasukan. Pemain berdepan situasi yang sangat sukar. Mereka memberikan komitmen tinggi dan saya sangat menghargai mereka," kata Kim Pan Gon pada 26 Mac.

Malaysia di kedudukan ketiga kumpulan D berada dalam situasi sukar ke pusingan ketiga apabila mengumpul enam mata selepas empat perlawanan.

Harimau Malaya akan meneruskan saingan menentang Kyrgyzstan dan Taiwan pada Jun hadapan.

Tebus kekalahan di Switzerland

SHAH ALAM - Beregu campuran profesional Goh Soon Huat-Shevon Lai menjuarai saingan Terbuka Switzerland menewaskan rakan senegara Chen Tang Jie-Toh Ee Wei dalam perlawanan akhir pada 25 Mac.

Soon Huat-Shevon menewaskan regu kesembilan dunia 21-16, 21-13 dalam tempoh 37 minit di St Jakobshalle, Basel dan membawa pulang hadiah wang tunai AS\$16,590 (RM78,583).

Kemenangan itu mengubat kekecewaan pasangan ke-14 dunia yang sebelum ini tewas dua kali dalam kejohanan sama pada 2022 dan 2023.

Ia adalah koleksi gelaran juara ketiga dalam saingan Jelajah Dunia BWF sepanjang karier mereka selepas mengungguli Terbuka Jerman dan Singapura pada 2018.

Batrisyia mahu wakili Selangor di SUKMA

SHAH ALAM - Hasrat Batrisyia Izzati Mohd Nasir untuk mewakili Selangor dalam Sukan Malaysia (SUKMA) semakin cerah selepas menjuarai Kejohanan Terbuka Wushu Sanda King Kebangsaan 2024.

Atlet berusia 18 tahun itu meraih emas kategori sanda 48 kilogram menewaskan rakan sepasukan Vancy Lee Chee dalam perlawanan akhir di Seremban, Negeri Sembilan pada 24 Mac.

"Saya berharap kemenangan di kejohanan kebangsaan ini menjadi tiket terbaik untuk menempatkan diri dalam senarai atlet yang akan menggalas cabaran Selangor pada SUKMA di Sarawak, Ogos nanti.

"Kejohanan SUKMA sememangnya sasaran utama saya apabila menyertai kejohanan ini kerana ia sebahagian medan pemilihan atlet ke temasya sukan berkenaan," katanya seperti dilapor Harian Metro.



MOHD KAMRI KAMARUDDIN
Bukit Antarabangsa

memasak bubur lambuk
di Surau Pangsapuri Sri Wira,
Ampang Jaya

ANFAAL SAARI
Taman Templer

menziarahi warga
emas di sekitar
DUN beliau



DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

menyerahkan baucar
raya di pasar raya TF
Sungai Besar, Sabak Bernam

MOHD NAJWAN HALIMI
Kota Anggerik

berbuka puasa bersama
jemaah Surau Al-Ansor,
Seksyen 2, Shah Alam



RAJIV RISHYAKARAN
Bukit Gasing

meninjau tapak pembuangan
sampah haram di Taman
Kanagapuram, Petaling Jaya

DANIAL AL-RASHID
Batu Tiga

menyampaikan sumbangan
kepada penduduk di
Masjid Hidayah, Shah Alam



YEW JIA HAUR
Teratai

memberi juadah berbuka
puasa kepada orang ramai
di kawasan DUN beliau

SYED AHMAD ALHADAD
Lembah Jaya

menyumbang kerusi roda
di Kampung Dato' Mufti
Shuib, Ampang Jaya



200 murid dapat barangan sekolah

SHAH ALAM - Seramai 100 murid daripada tujuh sekolah rendah sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa menerima sumbangan pakaian sukan dan badan berseragam.

Wakil rakyatnya Dr G Gunaraj berharap sumbangan itu meringankan beban keluarga berpendapatan rendah sekali gus memastikan murid berpeluang menyertai kegiatan kokuri-



kulum di sekolah. "Masih ada lagi keluarga yang tidak mampu membeli baju sukan. Kami mengambil kesempatan beri sumbangan baju sukan kepada murid yang dipilih Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

"Setiap murid perlu ada pakaian sukan dan badan berseragam sesuai dan selesa. Tambahan lagi mereka digalakkan memakai baju sukan atas faktor cuaca

panas," katanya di Facebook pada 22 Mac.

Mereka dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Tinggi, SK Klang Jaya, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Perempuan, SJKC Hin Hua, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Highlands, SJKT Batu Ampat dan SJKT Simpang Lima.

Beliau menambah seramai 100 murid lagi menerima bantuan melalui program Jom Beli Kelengkapan Sekolah yang disediakan dua kedai buku sekitar DUN berkenaan.

Kelas pemasangan lampu LED percuma

Galak belia ceburi bidang teknologi

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Parlimen Petaling Jaya menganjurkan kelas pemasangan lampu diod pemancar cahaya (LED) percuma kepada 25 pelajar mulai Mei.

Menjelaskan pembelajaran bermula antara 11 hingga 19 Mei, wakil rakyatnya Lee Chean Chung memberitahu kelas itu memberi peluang kepada anak muda menceburi bidang berteknologi terkini.

"Kelas pemasangan LED dipilih kerana ia teknologi baharu yang penggunaannya kian berkembang pesat di Malaysia.

"Trend ini bakal mencipta peluang pekerjaan yang menawarkan gaji lebih lumayan, mampu mengubah nasib sekali gus mengisi keperluan industri," katanya pada 21 Mac.

Justeru, beliau bekerjasama dengan syarikat Helio Media Sdn Bhd dan badan bukan kerajaan PJ Up! bagi



meningkatkan kemahiran anak muda itu.

"Setelah kelas ini tamat dan pelajar menjalani peperiksaan, mereka akan mendapat sijil tahap satu daripada Nova Star dan Helio Media serta diiktiraf China dan Eropah.

"Pelajar yang dapat sijil berpeluang menjalankan khidmat pemasangan LED, menjadi pakar perundingan dan menjalani perniagaan perkhidmatan penjagaan," katanya.

Taja 18 tapak niaga bazar Ramadan

SHAH ALAM - Seramai 18 peniaga bazar Kampung Sungai Buaya, Rawang menerima tajaan bagi meneruskan perniagaan di tapak disediakan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS).

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali berkata tajaan RM300 setiap satu tapak dan suntikan tifoid diurus bersama Pusat Khidmat Masyarakat Penyelaras Parlimen Hulu Selangor.

"Sebelum ini tular mengenai keenggan sebahagian peniaga bazar Kam-



pung Sungai Buaya berpindah ke tapak niaga disediakan MPHS.

"Atas semangat Ramadan, kekusutan ini diselesaikan dengan Pusat Khidmat Rakyat Penyelaras DUN Batang Kali menaja kos satu tapak berjumlah RM300.

"Semoga dimudahkan rezeki peniaga ini dan semua peniaga yang ikhlas jujur demi mencari wang persediaan lebaran," kata Saifuddin Shafi Muhammad di Facebook pada 21 Mac.

Beliau turut menasihati semua pihak

supaya tidak mengeruhkan keadaan atau menyalahkan penjawat awam yang bertindak atas peruntukan undang-undang.

Menurut MPHS, sembilan lokasi bazar termasuk di kawasan tersebut yang terletak bersebelahan medan selera Sungai Buaya diadakan selepas perbincangan dengan penganjur dan ketua kampung.

"Pada 20 Mac, semua 18 penjaja bazar Kampung Sungai Buaya setuju berpindah ke tapak yang disediakan MPHS dan mematuhi syarat ditetapkan," kata kenyataan pihak berkuasa tempatan itu.

Inisiatif kumpul pakaian terpakai

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa untuk mengumpul pakaian terpakai yang masih elok dan menyerahkannya kepada Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Kampung Tunku.

Wakil rakyatnya Lim Yi Wei memberitahu pakaian tersebut akan diedar kepada golongan kurang berkemampuan sekali gus membantu meringankan beban mereka untuk menyambut

Aidilfitri.

"Program #BundleRaya memasuki tahun ketiga penganjuran dan sambutan setiap tahun menggalakkan. Kita turut terima (pakaian) daripada syarikat dan badan bukan kerajaan.

"Kita mengalu-alukan serahan pakaian terpakai seperti baju kurung, baju



kebaya, baju Melayu, sampung, songkok, tudung, kerongsang mahupun kasut," katanya pada 22 Mac.

Yi Wei juga menjelaskan edaran akan dijalankan pada 30 Mac, tiga hari selepas tarikh akhir serahan di Pangsapuri Sri Aman.

Sebarang pertanyaan hubungi penyelaras program Nur Rahim Nasir menerusi talian WhatsApp 018-906 0270.

Bawa 230 anak asnaf berbelanja Aidilfitri

SHAH ALAM - Seramai 230 anak asnaf dan daripada keluarga kurang berkemampuan di Dewan Undangan Negeri Pandan Indah menerima sumbangan baju raya sempena program Jom Shopping Baju Raya.

Ahli Dewan Undangan Negeri Ir Izham Hashim yang juga EXCO negeri memberitahu semua penerima dibawa membeli kelengkapan Aidilfitri di Wisma Jakel, Kuala Lumpur.

"Tiada apa yang lebih menggembirakan saya selain melihat anak-anak asnaf dan keluarga kurang berkemampuan menyambut Aidilfitri ini dengan pakaian baharu.

"Semoga dengan sumbangan ini memberi keceriaan kepada penerima menjelang hari raya nanti dan menjadi asbab kebajikan kepada kita semua," katanya menerusi Facebook pada 23 Mac.

Beliau turut berterima kasih kepada Koridor Utiliti Selangor, pasukan Pusat Khidmat DUN Pandan Indah, Jabatan Penerangan Hulu Langat dan Jakel yang menjayakan program tersebut.

Dana RM36,400 semarak Ramadan

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Rawang menyedekahkan peruntukan RM36,400 untuk masjid dan surau di kawasan berkenaan.

Wakil rakyatnya Chua Wei Kiat menjelaskan sumbangan kepada lima masjid dan 33 surau itu bertujuan membantu kegiatan mengimarahkan institusi tersebut sepanjang sambutan Ramadan.

"Sumbangan ini bagi menampung perbelanjaan dan pengurusan institusi itu termasuk kos program atau inisiatif bulan Ramadan. Kita tahu masjid dan surau pusat keagamaan yang penting.

"Saya yakin dengan sumbangan yang diberi dapat membantu menaik taraf nilai kehidupan mereka selain merapatkan silaturahim antara masyarakat," katanya di Facebook pada 20 Mac.

Bantu 325 penduduk kurang mampu

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menyantuni 325 penduduk kurang berkemampuan di daerah itu dalam program Ziarah Ramadan baru-baru ini.

MPHS memaklumkan program tahunan tersebut dijalankan bagi membantu kelompok sedemikian supaya mereka tidak terpinggir terutama pada sambutan bulan mulia ini.

"MPHS bersama ahli majlis di setiap zon menyantuni penduduk kurang berkemampuan dengan memberi sumbangan barangan keperluan asas bagi mengurangkan beban untuk menjalani kehidupan.

"Program dengan kerjasama Segi Value Holding Sdn Bhd menyalur sumbangan makanan kering dan baucar tunai Segi Fresh bernilai RM120 kepada semua penerima," kata kenyataan di Facebook.

SPR mesyuarat pilihan raya kecil KKB 4 April **2**

RM99,000 untuk 24 persatuan belia **2**

Tidak lanjut tempoh daftar Padu **5**

Tempah kutipan pukal sempena raya di i-Clean **19**

selangorkini

Rifdean intai kontrak ONE Championship **21**

Tonton tadabbur al-Quran setiap hari

SHAH ALAM - Program tadabbur al-Quran sehari satu ayat anjuran Pejabat Dato' Menteri Besar sekali lagi ditayang sepanjang Ramadan.

Program bertema tadabbur dan pengertian al-Quran dipancar melalui media sosial Amirudin Shari, Media Selangor dan TV Al-Hijrah setiap hari jam 5 petang.

"Saya dibimbing Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Ustaz Dr Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi dari Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Pada kali ini, kita menjemput Qawi, seorang qari berbakat untuk bersama-sama membacakan tilawah ayat-ayat pilihan," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

RM10,000 hadiah pertandingan foto

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjur Pertandingan Fotografi Shah Alam 2024 dengan tawaran hadiah wang tunai keseluruhan RM10,000.

Orang ramai dipelawa mendaftar penyertaan pertandingan yang bermula 25 Mac sehingga 31 Ogos di www.mbsa.gov.my

Hadiah bagi kategori awam dan profesional adalah RM2,000 bagi johan diikuti RM1,500 (naib johan) serta RM1,000 (tempat ketiga).

Sebarang pertanyaan hubungi Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam di talian 03-5510 5133 sambungan 1430 atau 1777.

Tawar tapak bazar raya RM100

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) menawarkan tapak niaga bazar raya serendah RM100 terhad kepada 60 penaja.

Pihak berkuasa tempatan tersebut memaklumkan program Bazar Raya Rumpun Selangor di parkir Terminal Bas Bandar Malawati dijadual berlangsung lapan hari antara 1 hingga 8 April.

"Anda peniaga pakaian, aksesori dan kuih raya untuk sambutan Aidilfitri? Anda yang kami mahu untuk menyertai Bazar Raya Rumpun Selangor 2024," kata kenyataan di Facebook.

Permohonan dalam talian boleh dibuat menerusi pautan ip3ks.mpbs.gov.my sejak 19 Mac. Pertanyaan lanjut, hubungi 011-3347 7034.



KONGSI... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan sumbangan hari raya kepada pelajar Yayasan Selangor sempena Rewang Sahur di Klang pada 23 Mac. Foto REMY ARIFIN ► BERITA MUKA 4

Turut hina Sultan Selangor

Lapor polis individu persenda Islam

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri membuat laporan polis terhadap individu yang didakwa menghina Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan institusi diraja dalam media sosial.

EXCO perumahan berkata aduan juga dibuat berikutan N Ganesparan, 42, mempersenda Islam dengan mendakwa Nabi Muhammad SAW sebagai penipu manakala solat lima waktu tidak

perlu dibuat.

Borhan Aman Shah menegaskan individu berkenaan turut menyebut beberapa perkataan kesat dan memalukan terhadap Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, raja-raja, mufti.

"Menerusi video diterima malam tadi, (kenyataan disebut) boleh menimbulkan keguasaan awam dan membangkitkan sensitiviti yang berisiko mengakibatkan pergolakan dan perpecahan kaum.

"(Berikutan itu) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Dato' Menteri Be-

sar bersetuju untuk membuat laporan polis ini," katanya ditemui di ibu pejabat polis Shah Alam pada 27 Mac.

Borhan menegaskan pihaknya berharap polis bekerjasama dengan Interpol supaya lelaki yang menetap di luar negara sejak 2017 itu dibawa ke muka pengadilan.

Pada 26 Mac, Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain berkata pihaknya membuka 21 kertas siasatan terhadap Ganesparan berikutan kenyataan menghina Sultan Selangor dan Islam.

Kumpul tiga tan lebih makanan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berjaya mengumpul 3,780.3 kilogram (kg) lebih makanan di bazar Ramadan setakat seminggu program MySave Food@Bazar Ramadan.

Datuk Bandar Ir Cheremi Tarman berkata program tersebut kian mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan peniaga sekali gus menyelamatkan ratusan kilogram makanan daripada dibuang.

"Kita mengalu-alukan peniaga bazar untuk terus menyokong program ini kerana secara tidak langsung kita dapat membantu golongan kurang mampu.

"Agihan makanan kepada golongan memerlukan itu selamat berikutan dihantar dalam tempoh dua jam," katanya selepas Program Sumbangan Prihatin MBSA sempena Hari Raya Aidilfitri 2024 di Dewan MBSA Kiambang, Seksyen 7 di

sini pada 25 Mac.

Pada 20 Mac, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari ketika meninjau program tersebut di Seksyen 19 di sini berkata program yang dirintis MBSA bakal diperluas ke semua PBT.

Program yang dimulakan MBSA sejak empat tahun lalu diteruskan tahun ini sehingga 3 April pada setiap Isnin hingga Jumaat di Stadium Shah Alam Seksyen 13, Seksyen 17 dan Seksyen 19.